

**PENGARUH SENI BINA PADA BANGUNAN  
WARISAN ISTANA JAHAR**

**NURUL ASLINAH BINTI ASLI**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN**

**2022**

FTKWW



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# **PENGARUH SENI BINA PADA BANGUNAN WARISAN ISTANA JAHAR**

DISEDIAKAN OLEH:

**NURUL ASLINAH BINTI ASLI**  
**(C18A0345)**

Laporan Projek Penyelidikan Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam  
Memenuhi Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan  
Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**  
**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

ETKWW

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

**SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelea



NURUL ASLINAH BINTI ASLI

Tarikh: 17 FEBRUARI 2022

EN. SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM

Tarikh:

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGAKUAN

Projek bertajuk “Pengaruh Seni Bina Pada Bangunan Warisan Istana Jahar” telah disediakan oleh **(Nurul Aslinah binti Asli)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian **(Konservasi Warisan)**.

FTKW

UNIVERSITI

Diterima untuk diperiksa oleh:

MALAYSIA

ENCIK SAHRUDIN BIN  
MOHAMED SOM

KELANTAN

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah dan syukur kehadiran illahi diatas rahmat dan karunia-Nya kerana dengan izin-Nya saya dapat menyiapkan Projek Penyelidikan ini dalam waktu dan masa yang telah ditetapkan dengan baik. Walaupun, terdapat pelbagai kekangan dan cabaran yang harus ditempuhi sepanjang tahun. Namun, ianya tidak mematahkan semangat saya dalam menyiapkan Projek Penyelidikan ini.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan yang tulus ikhlas kepada Encik Sahrudin bin Mohammed Som selaku penyelia saya semasa menjalankan Projek Penyelidikan ini yang mana banyak memberi tunjuk ajar serta memberi bantuan dan perhatian sepanjang penyelidikan saya. Sesungguhnya bimbingan yang diberikan oleh beliau sangat bernilai kepada saya sepanjang menyiapkan Projek Penyelidikan ini.

Penghargaan ini juga diberikan kepada kedua orang ibu bapa saya yang sering memberikan kata-kata dorongan serta semangat sepanjang menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Semoga sokongan mereka dapat memberikan semangat kepada saya dalam menyiapkan Projek Penyelidikan dengan jayanya kerana pengorbanan keringat peluh dan susah payah mereka sangat saya hargai hingga ke akhir hayat ini.

Ucapan ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada mereka yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam Projek Penyelidikan ini kerana tanpa bantuan daripada mereka kemungkinan penyelidikan ini tidak akan siap dengan jayanya. Harapan saya semoga penyelidikan yang saya laksanakan ini dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dan negara pada masa akan datang sebagai sumber yang berguna.

## PENGARUH SENI BINA PADA BANGUNAN WARISAN ISTANA JAHAR

### ABSTRAK

Kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan Pengaruh Seni Bina Pada Bangunan Warisan Istana Jahar. Kajian ini akan merungkai secara terperinci mengenai latar belakang pembangunan Istana Jahar, pengaruh seni bina pada Istana Jahar dan elemen penentu karektor pada Istana Jahar. Selain itu, kajian ini juga akan menggunakan pelbagai metodologi kajian dalam menyelesaikan masalah kajian iaitu, menggunakan kaedah kualitatif, kaedah kuantitatif, data primer, data sekunder, instrumen kajian serta analisis terhadap data kajian. Oleh itu, berdasarkan kaedah ini penentuan dalam mencapai objektif kajian akan lebih jelas dan mudah untuk pengkaji mengumpul data-data penting dalam membuat laporan akhir penyelidikan.

**Kata Kunci: Seni Bina, Latar Belakang, Pengaruh, Elemen, Metodologi, Analisis**

## THE INFLUENCE OF ARCHITECTURE ON HERITAGE BUILDING ISTANA JAHAR

### ABSTRACT

*This research is about, The Influence of Architecture On Heritage Building Istana Jahar. This research will unravel every inch about Istana Jahar development background, The Influence of architecture in Istana Jahar and Character determining element of Istana Jahar. Next, this research also uses many research methodology in research problems to solve the problems. Such as, qualitative methods, primer data, secondary data, research instrument and analysis for research data. Therefore, based on the determination methodology in reach research methodology will more clear and easy for researcher combine all the data in doing the last research report.*

**Key Word: Architecture, Background, Influence, Element, Methodology, Analysis**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ETKWW

## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Kajian Latar Belakang Istana Jahar	5
1.4 Penyataan Masalah	7
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Persoalanan Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.7.1 Institusi	
1.7.2 Masyarakat	
1.7.3 Sumber rujukan	
1.7.4 Individu	
1.8 Skop Kajian	12
1.9 Rumusan Bab	14

FTKWW

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



**BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.1 Pengenalan	15
2.2 Seni Bina Melayu	16
2.2.1 Elemen Reka Bentuk Rumah Tradisional Melayu	
2.2.2 Seni Bina Penagaruh Luar	
2.2.3 Seni Bina Banglo Malaya Anglo-India	
2.2.4 Seni Bina Tradisional Kelantan	
2.2.5 Jenis-Jenis Ukiran	
2.2.6 Konsep Seni Bina Warisan Dalam Reka Bentuk Dalaman	
2.3 Pendekatan Dalam Menentukan Identiti Seni Bina Di Malaysia	
2.3.1 Gaya Rupa Seni Bina	34
2.4 Istana	40
2.4.1. Seni Bina Dan Istana	
2.5 Rumusan Bab	42

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	43
3.2 Reka Bentuk Kajian	44
3.2.1 Kaedah Kualitatif	
3.2.2 Kaedah Kuantitatif	
3.2.3 Kajian Lapangan	

3.2.4	Pemerhatian	
3.2.5	Kaedah Temubual	
3.2.6	Kaedah Catatan	
3.2.7	Rakaman Dan Fotografi	
3.2.8	Rujukan Perpustakaan	
3.2.9	Rujukan <i>Internet</i>	
3.2.10	Rujukan Tesis	
3.3	Instrumen Kajian	50
3.3.1	Tangkapan Foto	
3.3.2	Rakaman Suara	
3.4	Analisis Data	51
3.5	Rumusan Bab	55
 <b>BAB 4 ANALISIS KAJIAN</b>		
4.0	Pengenalan	56
4.1	Latar Belakang Pembangunan Istana Jahar	57
4.1.2	Sejarah Bangunan	58
4.1.3	Struktur Bangunan	62
4.1.3.1	Ruang Surung	
4.1.3.2	Ruang Serambi	
4.1.3.3	Ruang Tengah	

4.1.3.4 Anjung	
4.1.3.5 Ruang Pakaian	
4.1.3.6 Ruang Tengah Tingkat Dua	
4.1.3.7 Ruang Peraduan	
4.2 Pengaruh Seni Bina Pada Istana Jahar	70
4.2.1 Tangga	
4.2.2 Atap Singgora	
4.2.3 Anjung/Serambi	
4.2.4 Ekor Itik	
4.2.5 Dinding Janda Berhias	
4.2.6 Corak Ukiran Dan Motif	
4.2.7 Kayu Cengal	
4.3 Elemen Penentu Karektor Bangunan Warisan Istana Jahar	83
4.3.1 Latar Belakang Responden	
4.3.2 Pungutan Data Elemen Penentu Karektor	
i. Simbol Utama Bangunan Warisan Istana Jahar	
ii. Ciri-Ciri Unik Yang Boleh Dilihat Pada Bangunan Istana Jahar	

## BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN

5.0 Pengenalan	91
5.1 Perbincangan Kajian	91
5.1.1 Perbincangan Kajian Objektif Pertama	
5.1.2 Perbincangan Kajian Objektif Kedua	
5.1.3 Perbincangan Kajian Objektif Ketiga	
5.2 Cadangan Kajian	96
5.2.1 Istana Jahar Sebagai Bangunan Warisan Yang Mempunyai Nilai Warisan Dan Sejarah Tersendiri Dari Aspek Seni Bina Bangunan Warisan	
i. Menyediakan Satu Ruangan Berkaitan Dengan Sejarah Bangunan Istana Jahar	
ii. Perbanyakkan Inforgrafik	
iii. Ruangan Info Berkaitan Dengan Pengaruh Seni Bina Yang Terdapat Pada Bangunan Warisan Istana Jahar	
5.2.2 Kepentingan Bangunan Istana Jahar Kepada Generasi Masa Akan Datang Sebagai Bangunan Yang Mempunyai Ciri-ciri Seni Bina Unik Di Pantai Timur	
i. Istana Jahar Mempunyai Seni Bina Unik Di Pantai Timur	
ii. Ciri-Ciri Seni Bina Yang Unik Dapat Mengekalkan Identiti Sesebuah Bangunan	
5.3 Rumusan	101
<i>REFERENCES</i>	102

## SENARAI JADUAL


	<b>Halaman</b>
3.4 Penganalisisan Data	52
4.3.1 Umur Responden	83
4.3.1 Bangsa Responden	85
4.3.2 Simbol Utama Bangunan Warisan Istana Jahar	86
4.3.2 Ciri-Ciri Unik Bangunan Warisan Istana Jahar	89

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
1.2 Peta Negeri Kelantan	3
1.3 Bangunan Warisan Muzium Istana Jahar	5
1.8 Peta Lokasi Istana Jahar	13
2.2 Seni Bina Melayu	17
2.2.1 Elemen Seni Bina Rumah Tradisional Melayu	21
2.2.2 Seni Bina Kolonial Istana Bandar Jugra	23
2.2.2 Seni Bina Kolonial Bangunan Lama HSBC	24
2.2.3 Rumah Limas Mempunyai Pengaruh Seni Bina Banglo Malaya Anglo-India	24
2.2.4 Motif Pucuk Rebung	28
2.2.4 Ukiran Dinding Janda Berhias	28
2.2.5 Jenis-Jenis Ukiran Yang Digunakan Masyarakat Melayu Dalam Seni Ukiran	31
2.3.1 Gaya Rupa Seni Bina Gothik Di Malaysia	38
2.3.1 Gaya Rupa Seni Bina Neo-Klasikal Di Malaysia	38
2.3.1 Gaya Rupa Seni Bina Tudor Di Malaysia	39
2.3.1 Gaya Rupa Seni Bina Moghul Di Malaysia	39
3.2 Carta Alir Metodologi Kajian	44

3.4 Carta Alir Analisis Kajian	51
4.0 Puan Zuhaini binti Mohd Zain (Pembantu Muzium)	56
4.1.2 Sumber Rujukan Pengkaji	58
4.1.3.1 Ruang Surung Istana Jahar	63
4.1.3.2 Ruang Serambi	64
4.1.3.3. Ruang Tengah	65
4.1.3.4 Anjung	66
4.1.3.5 Ruang Pakaian	67
4.1.3.6 Ruang Tengah	68
4.1.3.7 Ruang Peraduan Tingkat Dua	69
4.2.1 Persamaan Antara Pengaruh Seni Bina Tangga Bangunan Warisan Istana Jahar Dengan Seni Bina Georgia	71
4.2.2 Proses Pengeringan Atap Singgora Berbentuk V	73
4.2.2 Atap Singgora Yang Terdapat Pada Struktur Bumbung Istana Jahar	73
4.2.3 Bentuk Anjung Pada Bahagian Sisi Seakan-akan Oktagon	74
4.2.4 Hiasan Ekor Itik Pada Bucu Bumbung	75
4.2.5 Dinding Janda Rias Istana Jahar	77
4.2.5 Anyaman Dinding Rumah Melayu Tradisional Menginspirasi Dinding Janda Rias	77
4.2.6 Corak Ukiran Pucuk Rebung	79

4.2.6 Corak Ukiran Awan Larat	80
4.2.6 Corak Ukiran Khat Pada Kayu	80
4.2.6 Motif Ukiran Bunga Teratai	80
4.2.7 Rasuk Lantai Daripada Kayu Cengal	82
4.2.7 Struktur Bumbung Dalam Yang Menggunakan Kayu Cengal	82



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ETKWW



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan pengaruh seni bina yang terdapat pada Istana Jahar bermula daripada latar belakang kajian yang banyak menyentuh asal usul negeri Kelantan, keistimewaan, bangunan yang mempunyai sejarah serta keunikan seni bina yang terdapat pada bangunan. Selain itu, pengkaji juga menceritakan latar belakang berkaitan dengan Istana Jahar untuk memberikan gambaran serba sedikit kepada kajian yang akan dilaksanakan.

Seterusnya, dalam bab ini juga pengkaji menyatakan permasalahan kajian melalui permasalahan kajian pengkaji dapat melihat sendiri masalah yang terdapat pada seni bina di Malaysia. Permasalahan kajian juga merupakan salah satu sumber yang penting untuk menguatkan lagi sumber kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Disamping itu, objektif kajian disertakan juga untuk dijadikan sumber rujukan pengkaji agar tidak keluar daripada tajuk kajian. Objektif yang dipilih oleh pengkaji mempunyai tiga aspek yang akan merungkai kajian pengkaji berkaitan dengan pengaruh seni bina yang terdapat pada Istana Jahar secara terperinci. Begitu juga dengan persoalan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji adakah akan mencapai objektif sebenar ataupun tidak di akhir kajian.

Walaupun bagaimanapun, kepentingan kajian juga amat penting kepada institusi, masyarakat, sumber rujukan serta individu. Kerana melalui kajian ini, ianya akan menjadi penemuan yang baru kepada pengkaji untuk dijadikan rujukan yang penting kepada generasi akan datang berkaitan pengaruh seni bina terutama bangunan Istana Jahar sendiri.

Oleh itu, secara keseluruhan kajian ini akan menjurus kepada pengaruh seni bina yang terdapat pada Istana Jahar kerana fokus utama pengkaji ialah berkaitan dengan bangunan Warisan Istana Jahar. Skop kajian juga hanya dijalankan di lokasi kajian iaitu Istana Jahar, Kota Bahru, Kelantan sebagai lokasi utama kajian.

## 1.2 Latar Belakang Kajian



Rajah 1. Peta negeri Kelantan

Sumber: <https://sejarahkelantan.wordpress.com/pemerintah-dan-pemerintahan-2/>

(Dilayari pada 20 Jun 2021)

Keistimewaan negeri Kelantan bukan sahaja terdapat pada sejarahnya yang tersendiri. Namun, negeri Kelantan mempunyai keistimewaan dari sudut warisan yang ditinggalkan sejak berzaman lagi. Sebagai contoh, negeri Kelantan mempunyai lokasi bersejarah dimana lokasi tersebut banyak menarik minat para pelancong datang berkunjung seperti bangunan Warisan yang terdiri daripada muzium, masjid, tokong, wakaf dan monumen. Bangunan-bangunan ini mempunyai gaya dan pengaruh seni bina tersendiri bagi menonjolkan seni bina yang beridentiti.

Antara bangunan warisan yang mempunyai nilai sejarah serta keunikan seni bina dan merupakan Warisan ketara ialah Istana Jahar. Istana ini mempunyai keistimewaan tersendiri dari sudut rekaan, elemen, seni bina dan nilai estetika yang merangkumi seni bina Melayu ataupun pengaruh lain. Bangunan Warisan Istana Jahar merupakan bangunan yang pernah didiami oleh kaum kerabat di raja Kelantan suatu ketika dahulu. Sebelum diserahkan kepada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan untuk dijadikan Muzium adat istiadat di raja.

Keindahan warisan ketara serta warisan tidak ketara bukan sahaja untuk menarik minat pelancong untuk berkunjung. Tetapi, melalui pengamatan pengkaji sendiri negeri Kelantan juga mempunyai keistimewaan dari sudut seni bina di mana setiap seni bina yang terdapat di negeri Kelantan tidak kira rumah, masjid ataupun bangunan warisan terdapat elemen seni bina yang menarik mengikut budaya setempat mahupun luar.

Istana Jahar merupakan fokus utama pengkaji dalam kajian ini kerana istana ini mempunyai nilai warisan yang mungkin akan memberikan penemuan baru dalam aspek pengaruh seni bina Melayu Kelantan ataupun pengaruh seni bina daripada luar yang tidak diketahui oleh masyarakat secara khususnya. Kajian ini juga, akan melibatkan banyak perkara untuk dititikberatkan kerana kajian ini hanya berfokus kepada Pengaruh Seni Bina Pada Bangunan Warisan Istana Jahar dengan menggunakan objektif yang disediakan oleh pengkaji sendiri.

Akhir sekali, Istana Jahar dijadikan fokus utama dalam kajian untuk memperbanyakkan lagi rujukan berkaitan dengan seni bina istana yang terdapat di Malaysia sama ada dari sudut identitinya yang tersendiri dalam bentuk elemen rekaan atau hasil seni bina yang menampakkan ciri-ciri sebenar sesebuah bangunan Warisan yang terdapat di negeri Kelantan secara khususnya Istana Jahar sendiri.

### 1.3 Kajian Latar Belakang Istana Jahar



Rajah 2. Bangunan Warisan Muzium Istana Jahar

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (25 Mac 2021)

Menurut Nur Najihah Norzaiman, (2014). Istana Jahar merupakan faktor tarikan masyarakat dalam dan luar untuk datang melawat sendiri istana yang mempunyai nilai sejarah dan estetika tersendiri. Istana Jahar terletak di tengah-tengah bandar Kota Bharu bersebelahan Istana Jahar adalah Istana Balai Besar, tujuan pembinaan Istana Jahar oleh Sultan Muhammad II ialah untuk dihadiahkan kepada cucundanya yang bernama Long Kundur. Baginda telah mangkat di tahun 1886 dan digilirkan dengan Long Sulong dengan panggilan Sultan Ahmad. Semasa kemangkatan Sultan Muhammad II, Istana Jahar belum siap sepenuhnya dan diteruskan binaannya oleh Sultan Ahmad.

Pada tahun 1889, Sultan Ahmad telah mangkat setelah tiga tahun menaiki takhta. Pengganti beliau adalah Long Kundur, yang memakai gelaran Sultan Muhammad III. Baginda menjadikan Istana Jahar sebagai tempat persemayaman baginda sepanjang memegang gelaran sultan Kelantan. Istana Jahar pernah menjadi tempat persemayaman beberapa sultan Kelantan sebelum dijadikan muzium sepenuhnya antara sultan yang pernah bersemayam ialah Almarhum Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Muhammad IV.

Selepas tamat era pemerintahan Long Kundur, Istana Jahar masih dikenali sebagai Istana Bendahara. Namun, ketika Sultan Muhammad IV mengambil alih takhta baginda telah menukar nama istana tersebut kepada Istana Jahar. Jahar berasal daripada tanaman pokok bunga yang terdapat pada laman istana. Nama yang diberikan keatas istana ini masih lagi digunakan sehingga sekarang kerana tanaman tersebut menghiasi halaman istana sebagai simbol Istana Jahar.

Pada ruang dalaman Istana Jahar setelah dijadikan muzium berbagai jenis bentuk adat istiadat yang dipamerkan bermula dari tingkat bawah sehingga ke tingkat dua. Pada bahagian tingkat bawah ruangan tengah Istana, terdapat pelamin tempat persandingan bagi golongan di raja berwarna kuning emas dan beberapa jenis tekstil dan pakaian turut dipamerkan pada bahagian pintu masuk istana. (Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 2019)

Selain itu, terdapat juga pelbagai jenis peralatan yang akan di pakai semasa majlis perkahwinan seperti cucuk sanggul, gelang emas dan peralatan-peralatan lain untuk perkahwinan. Manakala, di tingkat dua terdapat banyak barangan tembaga yang dipamerkan serta beberapa ruangan mempamerkan adat istiadat seperti melenggang perut di bahagian ruangan tertentu dalam istana.

Sebagai kesimpulan, Istana Jahar telah diwartakan sebagai bangunan Warisan negeri Kelantan pada tahun 2005 di bawah Akta 645 dan bangunan ini telah menjadi hak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Tujuan muzium ini diwartakan sebagai bangunan Warisan adalah untuk menjaga dan mengekalkan bangunan warisan yang terdapat di negeri Kelantan.



#### 1.4 Penyataan Masalah

John Dewey (2010) mengatakan permasalahan menjadi salah satu faktor terbesar kepada sesuatu penyelidikan. Permasalahan kajian bertujuan untuk mengenalpasti permasalahan dalam penyelidikan yang dilaksanakan supaya segala permasalahan dapat dirungkaikan secara teratur serta sistematik oleh pengkaji. Perolehan permasalahan kajian pengkaji adalah berdasarkan sumber ilmiah dan penganalisisan maklumat yang dijalankan.

Salah satu permasalahan kajian dalam pengaruh seni bina Malaysia menurut Mohamad Tajuddin Mohammad Rasdi (2005), dalam bukunya bertajuk *Malaysian Architecture Crisis Within*. Untuk meramalkan masa depan identiti seni bina Malaysia terdapat tiga perkara yang perlu dipastikan iaitu kepimpinan negara, kepimpinan universiti dan Pertubuhan Arkitek Malaysia. Ketiga-tiga watak utama ini sangat memainkan peranan penting dalam seni bina yang terdapat di Malaysia sehingga berlaku percampuran seni bina sama ada bangunan-bangunan moden dan bangunan bersejarah serta bangunan Warisan di Tanah Air.

Selain itu, dalam temubual Mohammad Tajuddin Mohammad Rasdi (2005) bersama *The Stars*. Arkitek di Malaysia hanya mementingkan bayaran daripada *clients* sedangkan mereka hanya menghasilkan seni bina yang tidak beridentiti mengikut budaya di Malaysia. Hal ini, dapat dilihat pada bangunan seperti Masjid Wilayah, Jabatan Perdana Menteri dan Masjid Putera yang tidak mempunyai identiti binaan sebenar berpunca daripada kelalaian arkitek bangunan itu sendiri.

Akhir sekali, seni bina di Malaysia adalah pensejarahan seni bina. Seni bina di Malaysia bukan sahaja memberi kesan kepada bangunan moden atau tradisional. Namun, impak seni bina juga berlaku pada rumah-rumah ibadat disebabkan percampuran sejarahwan Islam dan bukan Islam dalam menghasilkan bangunan rumah-rumah ibadat. Menurut Mohammad Tajuddin Mohammad Rasdi (2000) dalam buku bertajuk *The Architectural Heritage of the Malay World*, rumah-rumah ibadat di Malaysia dipengaruhi oleh pelbagai elemen sehinggakan berlaku percampuran identiti dalam seni bina. Hal ini berlaku, kerana munculnya sejarahwan dari pelbagai agama mengakibatkan percampuran pengaruh serta kehilangan identiti sebenar dalam binaan bangunan.



### 1.5 Objektif Kajian

Terdapat tiga bahagian yang menjadi objektif pada kajian ini:

- i) Mengkaji latar belakang pembangunan Istana Jahar.
- ii) Mengenalpasti pengaruh seni bina pada Istana Jahar.
- iii) Mengenalpasti 'elemen penentu karektor' pada Istana Jahar

### 1.6 Persoalanan Kajian

Persoalanan kajian adalah seperti berikut:

- i) Bagaimana latar belakang pembangunan Istana Jahar terjadi?
- ii) Apakah pengaruh seni bina yang terdapat pada binaan Istana Jahar?
- iii) Apakah 'elemen penentu karektor' yang terdapat pada Istana Jahar?

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian dilaksanakan adalah untuk memperolehi dapatan terbaharu hasil dari kajian pengkaji dengan harapan dapat memberikan sumbangan yang berguna. Kajian ini dihasilkan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengaruh seni bina bangunan warisan yang terdapat pada Istana Jahar. Oleh itu, antara kepentingan kajian ialah:

### **1.7.1 Institusi**

Kajian ini memberikan kepentingan kepada sesebuah institusi pendidikan. Hal ini kerana, kajian yang akan dilaksanakan memberikan manfaat bukan sahaja kepada institusi tetapi pelajar juga turut mendapat manfaat yang sama, kerana hasil kajian pengkaji boleh dijadikan sumber rujukan berkaitan pengaruh seni bina bangunan warisan Istana Jahar yang mempunyai banyak elemen seni bina unik sama dengan bangunan- bangunan bersejarah lain. Kandungan yang terdapat dalam kajian ini akan memberikan hasil yang baru berkaitan dengan pengaruh seni bina dan sangat berguna sebagai rujukan pada masa akan datang kepada pelajar yang membuat kajian berkaitan dengan pengaruh seni bina bangunan warisan yang terdapat pada Istana Jahar.

### **1.7.2 Masyarakat**

Kepentingan kajian ini kepada masyarakat juga adalah supaya masyarakat sedar khususnya di negeri Kelantan, bahawa pengaruh seni bina bangunan warisan Istana Jahar bukan sahaja berbentuk tradisional melayu tetapi terdapat berberapa lagi unsur telah diterapkan dalam pembinaan istana. Antara keunikan seni bina Istana Jahar ialah masyarakat mampu melihat sendiri elemen seni bina yang terdapat di dalam istana berdasarkan seni bina istana itu sendiri iaitu atap singgora digunakan sebagai atap utama dan istana ini juga mempunyai dua tangga berbentuk gaya moden.

### **1.7.3 Sumber Rujukan**

Walaupun bagaimanapun, kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan para pengkaji berkaitan dengan pengaruh seni bina bangunan warisan. Rujukan ini juga akan membantu para pengkaji dalam mendapatkan sumber rujukan yang banyak bagi menguatkan lagi rujukan mereka berkaitan dengan pengaruh seni bina bangunan warisan. Rujukan ini bukan sahaja terhad kepada satu institusi tetapi bersifat umum untuk tatapan dan menjadi sumber rujukan dalam penghasilan projek penyelidikan yang akan dihasilkan oleh pengkaji lain pada masa akan datang.

### **1.7.4 Individu**

Akhir sekali, kajian berkaitan dengan pengaruh seni bina bangunan warisan Istana Jahar sangat penting kepada individu tersebut kerana hasil kajian yang dijalankan akan menambahkan pengetahuan individu tersebut dalam pengetahuan seni bina dan menambah kefahaman pengkaji berkaitan dengan seni bina serta elemen-elemen yang terdapat dalam bangunan muzium Istana Jahar. Bermula daripada sejarah sehingga individu tersebut faham kepentingan tinggalan bangunan bersejarah ini terhadap warisan negara yang perlu dipelihara serta dipelihara agar tidak tenggelam oleh arus pemodenan yang semakin meningkat saban tahun.

## 1.8 Skop Kajian

Lokasi kajian adalah terletak bersebelahan dengan Istana Balai Besar di tengah-tengah bandar Kota Bharu. Mempunyai kelapangan kawasan sebanyak 1.822 meter persegi. Setelah sekian lama menjadi kediaman keluarga D'Raja, istana ini telah diubah suai menjadi sebuah muzium mempamerkan adat istiadat kesultanan Melayu Kelantan serta alatan perang yang terdapat pada bahagian belakang istana (Nur Najihah Muhammad Hassani, 2018).

Skop kajian, pengkaji hanya menjalankan kajian di Istana Jahar, Kota Bharu Kelantan. Tujuan pengkaji berbuat sedemikian adalah untuk menjalankan kajian dengan lebih terperinci dan supaya maklumat yang diperolehi juga merupakan maklumat yang sahih daripada sumber muzium dan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan skop kajian yang sesuai dalam memperolehi maklumat berkaitan dengan bangunan Muzium Istana Jahar dengan cara, temubual, pemerhatian dan turun ke kawasan kajian sendiri. Tujuan pengkaji adalah untuk melihat sendiri bangunan Muzium Istana Jahar dari sudut sejarah pembangunan, pengaruh seni bina dan elemen penentu karektor yang terdapat pada istana tersebut.



Rajah 3. Peta lokasi Istana Jahar

Sumber: <https://www.google.com/maps>

(Dilayari Pada 27 April 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.9 Rumusan Bab

Kesimpulannya, kajian ini sangat penting dari aspek pengaruh seni bina sesebuah bangunan Warisan khususnya Istana Jahar. Kerana bangunan Warisan ini jika dikaji, ianya mungkin mempunyai sumber baru dapatan kajian yang boleh dijadikan sebagai bukti. Bahawa Istana Jahar mempunyai unsur seni bina pengaruh daripada pelbagai tempat yang tidak diketahui oleh orang umum serta masyarakat setempat, kerana dalam sejarah seni bina Istana Jahar tidak dinyatakan dan berbentuk ringkasan sejarah sahaja. Oleh itu, bab ini merupakan bab terpenting dalam kajian. Kerana bab ini merupakan susunan utama kajian, dan merupakan kandungan utama dalam melaksanakan kajian berdasarkan objektif yang dinyatakan oleh pengkaji sendiri dalam mengkaji Pengaruh Seni Bina Pada Bangunan Warisan Istana Jahar.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Sorotan kajian merupakan aspek paling penting dalam sebuah kajian kerana melalui sorotan kajian pengkaji dapat melihat dengan jelas sama ada konsep dan teori digunakan mempunyai persamaan dengan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji untuk dijadikan rujukan pada masa kini. Menurut Dr. Kamarul Shukri Mat Teh (2005). Sorotan kajian merupakan kajian perpustakaan merangkumi buku, artikel dan jurnal ilmiah, penulisan di internet, penulisan dalam akhbar, tesis, kertas seminar dan persidangan yang mengandungi maklumat lampau dan terkini berkenaan dengan satu topik yang dipilih. Sorotan kajian juga ialah rujukan yang berbentuk kritikal dan sistematik mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam perpustakaan atau kajian lepas berkaitan topik atau focus soalan kajian pengkaji. Sorotan ini perlu menghurai, meringkas, menganalisis, mensintesis, menilai dan menjelaskan kaedah perpustakaan yang dipilih (Bryman & Bell 2003; Creswell 2005).

Peranan sorotan kajian adalah untuk menerangkan dan menjelaskan latar belakang masalah, mengenalpasti dan menyatakan masalah. Sorotan kajian juga berperanan untuk memahami teori bidang kajian seperti memberi perspektif terhadap kajian dan membolehkan penilaian secara objektif, teratur dan rasional ke atas penyelidikan.



## 2.2. Seni Bina Melayu

Seni bina Melayu merupakan seni bina yang ringkas dan bahan yang digunakan juga mudah didapatkan kerana bersumberkan alam semulajadi daripada hutan (Artikel dalam buletin perancang, JPBD, UiTM Perak, 2005). Pada zaman dahulu sebelum kemerdekaan lagi seni bina Melayu banyak menggunakan pokok-pokok yang terdapat di dalam hutan sebagai bahan utama dalam struktur binaan seperti rumah kampung. Pokok-pokok tersebut akan digunakan pada bahagian tiang rumah manakala rumbia dan bertam digunakan untuk membuat atap pada bahagian atap. Seni bina Melayu juga tidak menggunakan paku malahan hanya menggunakan teknik pasak pada berberapa bahagian rumah.


Menurut Ezrin Arbi (2002), dalam masyarakat Melayu binaan rumah-rumah mereka mempunyai tiga bahagian iaitu bahagian hadapan, bahagian tengah dan bahagian belakang atau lebih di kenali sebagai dapur. Pada bahagian bumbung binaan akan kelihatan curam untuk melindungi tempias hujan dan pancaran matahari. Selain daripada rumah kediaman seni bina Melayu juga diterapkan diberberapa bangunan warisan seperti istana, masjid, seni bina wakaf serta pusara.

Seni bina tradisional boleh dilihat pada Istana Kenangan, Perak. Dimana seni ukiran Melayu masih diterapkan pada bahagian istana walaupun telah dibaikpulih semula dan seni bina Melayu juga boleh dilihat pada bangunan Istana balai besar yang terdapat di negeri Kelantan masih menerapkan nilai Melayu dalam unsur seni binanya. Binaan yang terdapat pada bangunan-bangunan bersejarah bukan sahaja mengekalkan identiti sesebuah budaya namun dapat mengekalkan identiti bangsa dan nilai estetika seni bina Melayu itu sendiri (Dr. Siti Norlizaiha Harun, 2005).



Dalam seni bina Melayu juga terdapat berbagai ragam hias atau motif ukiran dan bentuk binaan yang terpengaruh dengan negara-negara nusantara seperti Indonesia dan Selatan Thailand. Seni bina yang mempunyai perbezaan dari sudut binaan akan menggambarkan asal usul binaan tersebut sebagai contoh, rumah yang berbumbung panjang merupakan seni bina Minangkabau struktur binaan ini biasanya terdapat di Melaka dan negeri Sembilan. Seni bina Limas pula merupakan seni bina yang paling popular di Malaysia dan di kebanyakan rumah-rumah Melayu.

Menurut Zarinah Sarifan (2000), seni bina Melayu bukan sahaja mempunyai keistimewaan tersendiri namun, pembinaan seni bina masyarakat Melayu yang berpintu rendah bertujuan supaya setiap yang memasuki rumah tersebut menundukkan kepala bagi mengelakkan terhantuk dan menjadi lambang kepada adab budaya serta sopan santun masyarakat Melayu di samping sebagai tanda hormat kepada tuan rumah itu sendiri.



Rajah 4. Seni Bina Melayu

Sumber: <https://www.propertyguru.com.my/property-guides/inspirasi-rumah-melayu-tradisional-malaysia-40051>

(Dilayari Pada 2 Julai 2021).

### 2.2.1 Elemen Reka Bentuk Rumah Tradisional Melayu

Seni vernakular di Malaysia merupakan seni bina asli yang berada di Malaysia secara semula jadi terbentuk hasil daripada keperluan, nilai, serta pandangan (*world view*) masyarakat peribumi (Gurupiah Mursib & Mohd Tajuddin Mohd Rasdi, 2016). Antara elemen seni bina dalam masyarakat Melayu tradisional ialah:

i) **Sistem Kerangka**

Sistem kerangka alang dan tiang merupakan salah satu elemen utama dalam penghasilan kerangka seni bina masyarakat Melayu. Bahan utama iaitu kayu merupakan asas kepada seni bina Melayu kerana mudah untuk diperolehi. Bahagian tiang rumah melayu tradisional iaitu lapik tiang diperbuat daripada batu. Manakala, alang pula digunakan dalam sebahagian kerangka rumah tradisional Melayu sama ada dalam bentuk alang panjang ataupun alang pendek (Wan Hashim & Abdul Halim Nasir, 2016). Rumah tradisional Melayu juga berpanggung bagi mengelakkan masalah tanah lembab dan ketidakpastian hujan, untuk perlindungan daripada binatang buas serta membolehkan pengudaraan lanta.

ii) **Bumbung**

Bumbung panjang bercerun curam merupakan karakter utama bersesuaian dengan fungsi utama iaitu berlindung daripada hujan lebat dan panas terik. Tebar layang yang terdapat pada elemen rumah tradisional Melayu berupaya untuk menghalang tempas hujan masa yang sama membolehkan sistem pengudaraan dan pencahayaan berlaku. Bumbung rumah tradisional Melayu juga menggunakan elemen semulajadi iaitu atap rumbia, nipah atau bertam menjadi pilihan masyarakat Melayu kerana ringan serta mempunyai sistem pengudaraan yang sejuk serta merupakan pendebat haba yang baik (Gurupiah Mursib & Mohd Tajuddin Mohd Rasdi, 2016).

### iii) **Pintu Dan Tingkap**

Rumah tradisional Melayu juga mempunyai dua pintu masuk, bahagian hadapan merupakan rumah untuk kaum lelaki manakala bahagian belakang rumah di khususkan untuk kaum wanita serta kanak-kanak yang terus bertandang ke dapur, ruang dalaman terdiri daripada serambi, rumah ibu dan rumah dapur (Gurupiah Mursib & Mohd Tajuddin Mohd Rasdi). Elemen ini adalah berciri fleksibel dan terbuka, pintu rumah tradisional Melayu juga mempunyai panel gelangsar besar yang menggabungkan kesederhanaan binaan serta kekuatan (Wan Hashim & Abdul Halim Nasir). Elemen jendela atau tingkap pula, rumah tradisional Melayu menggunakan jendela yang panjang bagi membolehkan penghuni rumah menikmati pemandangan di luar serta memberikan keselesaan pengudaraan maksimum dalam keadaan bersila.

### iv) **Lantai**

Lantai rumah tradisional Melayu dibina atas serangkaian tali (geleger) yang disokong oleh setiap hujung rasok. Apabila geleger yang di pasang pada bahagian lantai tidak bulat geleger tersebut akan mengalami tekanan berat serta tidak seimbang. Pada bahagian pinggir lantai rumah tradisional Melayu terdapat papan bendul yang cukup besar untuk menutup tiang diluar dan bahagian dalaman dinding seterusnya akan membentuk ambang pintu rumah. Rumah tradisional Melayu juga menggunakan papan 1' tepat tetapi tidak mempunyai kekemasan yang cantik dalam bidang seni bina Melayu, batang nibong atau buluh juga digunakan dalam pemasangan lantai rumah tradisional Melayu (R.N. Hilton, 1956).

v) **Tangga**


Tangga rumah tradisional Melayu termasuk setiap binaan langkah pada tangga diperbuat daripada kayu iaitu daripada rotan. Penetapan secara terperinci pada bahagian sendi antara anak tangga dan batang bawah adalah untuk mengelakkan setiap langkah pada elemen binaan tersebut tidak tergelincir daripada kedudukan asal binaan. Tangga tradisional Melayu ini masih boleh dilihat di berberapa perkampungan Melayu yang terpencil. Di masa kini, tangga seperti ini tidak lagi digunakan kerana masyarakat lebih suka menggunakan tangga berkualiti yang diperbuat daripada papan dan batu konkrit (R.N. Hilton, 2016).

vi) **Dinding**

Menurut Wan Hashim & Abdul Halim Nasir (2016). Dinding rumah tradisional Melayu mempunyai elemen hiasan dan mempunyai fungsi tersendiri iaitu dari sudut ukiran yang menarik. Rumah tradisional Melayu awal, menggunakan daun untuk membuat dinding. Biasanya daun yang akan digunakan ialah dari pohon *eugeissona tristis* (bertam), *baeckia frutescens* (cucuh), sagu sawit, *metroxylon* (rumbia) dan daun nipah sawit digunakan untuk membentuk dinding yang sangat tebal.

Dinding rumah tradisional Melayu yang terdapat di Kedah, Perlis dan juga rumah kutai, Perak menggunakan dinding wattle dari jalur buluh yang telah pun dianyamkan. Dinding-dinding ini diperbuat daripada jalur buluh atau batang tanaman bembun ditenun mengikut corak yang diinginkan. Corak yang paling menarik ialah corak kelarai yang berupa bunga, corolla dan tangkai manggis serta ada yang berbentuk seperti binatang.

Disamping itu, dinding yang diperbuat daripada papan berlapis boleh ditemukan dan banyak digunakan di rumah-rumah tradisional Melayu Kelantan serta Terengganu. Lazimnya, dinding papan digunakan pada rumah dua belas tiang dan bangle. Di Perak terdapat dua rumah yang menggunakan dinding berlapis sementara di negeri Sembilan terdapat berberapa lagi rumah yang menggunakan elemen ini. Dinding-dinding ini diperbuat daripada kayu keras seperti *balanocarpus heimni* (cengal), pohon jati Melaka (merbau) atau kayu yang mempunyai kualiti tinggi.



Rajah 5. Elemen Seni Bina Rumah Tradisional Melayu

[https://www.google.com.my/search?q=alang+panjang+alang+pendek&sxsrf=ALeKk02tE8NhJnEVm6vy7qvf68r3WuhqxQ:1625230842653&source=Inms&tbm=isch&sa=X&ved=2ahUKEwjgmLfYuMTxAhU94jgGHZswCPUQ\\_AUoAXoECAEQAw&biw=1280&bih=689#imgrc=tgfU4m\\_ISeVFyM&imgdii=S7jDZG7Y2Bc\\_EM](https://www.google.com.my/search?q=alang+panjang+alang+pendek&sxsrf=ALeKk02tE8NhJnEVm6vy7qvf68r3WuhqxQ:1625230842653&source=Inms&tbm=isch&sa=X&ved=2ahUKEwjgmLfYuMTxAhU94jgGHZswCPUQ_AUoAXoECAEQAw&biw=1280&bih=689#imgrc=tgfU4m_ISeVFyM&imgdii=S7jDZG7Y2Bc_EM)

(Dilayari Pada 2 Julai 2021).

### 2.2.2 Seni Bina Pengaruh Luar

Setelah penjajah daripada barat masuk ke Tanah Melayu mereka bukan sahaja datang untuk menjajah tetapi, mereka juga membawa budaya mereka termasuk seni bina ke alam Melayu. Seni bina kolonial boleh dilihat pada bangunan-bangunan bersejarah seperti kota A Famosa di Melaka bangunan ini berkonsepkan bangunan kolonial kerana setiap elemen-elemen yang digunakan pada bangunan tersebut menggunakan bahan-bahan konkrit yang tidak digunakan oleh masyarakat Melayu pada masa itu.

Teknologi binaan juga bersifat lebih moden kerana berasal daripada barat. Walaubagaimanapun, kota A Famosa telah di musnahkan oleh penjajah Belanda selepas kekalahan tentera Portugis di Melaka. Tetapi, seni bina yang dimusnahkan oleh tentera Belanda masih meninggalkan elemen seni bina Eropah iaitu pada bahagian kubu pertahanan dan bangunan tersebut di bina bercirikan gaya Eropah.

Selain itu, seni bina di Malaysia juga banyak bercampur dengan seni bina daripada Inggeris yang berlangsung dari tahun 1795-1957 dalam tempoh yang panjang ini banyak bangunan-bangunan kolonial telah di bina untuk menggantikan seni bina Melayu pada ketika itu seperti bandar-bandar utama George Town, Ipoh, Kuala Lumpur, Taiping, Seremban, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching.

Reka bentuk bangunan dan gaya seni bina daripada Inggeris mempunyai keunikan dari segi latar belakang negara mereka sendiri mengikut peredaran zaman ketika itu. Reka bentuk Inggeris adalah bersifat ringkas bermula daripada ukiran dan motif di bahagian dinding bangunan terutama sekali pada bahagian tingkap, tiang besar dan gerbang lengkung. Pengaruh setiap elemen ini boleh dilihat pada bangunan-bangunan yang terdapat di Malaysia sama ada pada masa kini atau semasa zaman penjajah.



Seni bina Inggeris sangat memberi impak besar dalam seni bina di Malaysia secara khususnya sehingga berlaku percampuran gaya seni bina dan elemen. Menurut Wan Ramli Wan Daud (2000;260), seni bina timur juga merupakan penyumbang kepada percampuran seni bina di Malaysia kepada bangunan-bangunan yang di dirikan semasa zaman kolonial seni bina ini mempunyai keunikan dan tarikan tersendiri kerana seni bina Islam juga turut dimasukkan melalui seni bina semasa zaman kolonial seni bina Islam seperti Moghul dan ilmu handasah telah digunakan untuk membentuk kubah serta batu-bata dan atap genting sebagai bahan binaan yang dibawa masuk oleh arkitek Inggeris.



Rajah 6. Seni Bina Kolonial Istana Bandar Jugra

Sumber: <https://www.visitselangor.com/istana-bandar-jugra/>

(Dilayari pada 2 Julai 2021).

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Rajah 7. Seni Bina Kolonial Bangunan Lama HSBC

Sumber: <http://www.heritage.gov.my/bangunan-kolonial.html>

(Dilayari pada 2 Julai 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



### 2.2.3 Seni Bina Banglo Malaya Anglo-India

Kedudukan geografi Semenanjung Tanah Melayu yang menghubungkan laluan perdagangan antara Timur-Barat dan pusat entrepot telah memberikan laluan kepada pengaruh luar hasil interaksi perdagangan Timur-Barat yang terdiri daripada saudagar China, Arab, India dan Eropah. Pengaruh interaksi perdagangan luar telah memberikan impak khusus iaitu “tradisi hibrid dunia imigran”.

Perkembangan ini boleh dilihat pada pertempatan selat sekitar bandar perlabuhan dan bandar kolonial yang muncul sepanjang Selat Melaka. Gabungan ini berlaku kerana sikat keterbukaan untuk menerima, mengadaptasi dan berasimilasi bagi memenuhi keperluan kehidupan lingkungan baru. Tradisi hibrid ini memperlihatkan seni bina banglo Malaya Anglo-India.

Seni bina hibrid banglo Malaya Anglo-India merupakan seni bina yang lahir daripada gabungan prinsip seni bina tempatan dengan pengaruh seni bina Eropah yang di bawa oleh Inggeris dari India atau dikenali sebagai Anglo-India. Seni bina ini memperlihatkan gabungan antara tipologi dan hiasan banglo Eropah dengan prinsip Melayu yang praktikal, iaitu binaan kayu berpanggung, bumbung atap cerun dan serambi anjung berbumbung.

Prinsip pengudaraan dimajukan dengan inovasi bumbung lapis (*jack roof*). Campuran gaya klasik menambahkan nilai yang dirasakan bersesuaian dengan situasi masyarakat pada masa itu. Berberapa bahan seperti genting dan jubin telah diperkenalkan. Seni bina hibrid banglo Malaya (*paladio*) memenuhi impian memiliki kemewahan dan nilai gaya klasik dalam keselesaan tropika.

*Portiko Paladio* ditonjolkan sebagai sebuah anjung untuk mendedahkan kepada pengudaraan yang memberi keselesaan kepada pemilik untuk berehat. Ruang *porte cochere* yang teduh di bahagian bawah menjadi anjung menerima tetamu, yang cukup berlindung daripada panas terik dan hujan lebat. Semua bahan seni bina ini kini lebih ringan dan lebih harmoni dengan bahasa seni bina setempat.



Rajah 8. Rumah Limas Mempunyai Pengaruh Seni Bina Banglo Malaya Anglo-India

Sumber: <https://interiorrumahterminimaliscom.blogspot.com/2019/06/good-10-rumah-kayu-tradisional-terupdate.html>

(Dilayari Pada 2 Julai 2021)

#### 2.2.4 Seni Bina Tradisional Kelantan

Menurut Ab Aziz Shuib (2012), seni pertukangan terutama di Kelantan sejak dahulu tertumpu pada bahan kayu, tekstil, bahan logam seperti emas, tembaga dan perak sebagai asas untuk berkarya. Ukiran kayu bukan sahaja terdapat pada rumah-rumah kenamaan namun, ukiran ini terdapat pada senjata-senjata yang dihasilkan daripada buluh serta rotan. Nilai seni yang tinggi hanya dapat dihasilkan melalui proses pemikiran intelektual daripada para pengukir.

Seni bina tradisional Kelantan merupakan seni bina yang sejak seratus tahun lagi digunakan dalam binaan istana, bangunan istiadat, rumah kediaman serta wakaf yang terdapat di negeri Kelantan. Ukiran kayu merupakan ukiran utama dalam seni bina masyarakat melayu Kelantan setiap ukiran yang dihasilkan mempunyai definisi tersendiri seperti motif pucuk rebung yang diukir pada kayu merupakan motif yang merujuk kepada alam ciptaan Tuhan.

Motif ukiran tradisional seperti sesiku atau tetupai dapat dilihat pada seni bina tradisional di negeri Kelantan. Bangunan seperti Istana Jahar juga menggunakan ukiran tradisional sesiku atau tetupai ini untuk mewujudkan identiti pantai timur fungsi ukiran ini ialah untuk menahan struktur bangunan, keunikan sesiku atau tetupai ini juga adalah ukiran ini boleh digunakan tanpa mengubah suai secara ketara.

Akhir sekali, ukiran tradisional yang terdapat pada bangunan warisan serta rumah-rumah bangsawan yang bersifat tradisional dapat dilihat apabila ukiran dinding janda berhias digunakan. Ukiran ini biasanya menggunakan kayu cengal bermutu tinggi pada rumah-rumah bangsawan, saudagar serta mereka yang berstatus sosial tinggi.



Rajah 9. Motif Pucuk Rebung

Sumber: <https://www.pinterest.com/pin/236087205440544971/>

(Dilayari Pada 2 Julai 2021)



Rajah 10. Ukiran Dinding Janda Berhias

Sumber: <https://www.flickr.com/photos/158577004@N02/37569514380>

(Dilayari ada 2 Julai 2021)

### 2.2.5 Jenis-Jenis Ukiran Kayu

Hasil-hasil ukiran Melayu biasanya dapat dilihat pada kebanyakan seni tradisional termasuk istana, rumah, masjid, kraf serta bahan-bahan perkakas yang digunakan seharian. Hampir keseluruhan bahagian dalaman serta luaran bangunan-bangunan tradisional Melayu terutamanya rumah banyak dihiasi dengan pelbagai rupa ukiran yang beraneka pola. Terdapat lebih 20 jenis komponen bangunan diukir daripada kayu dan hutan tropika dari jenis keras dan sederhana keras. Spesis kayu seperti cengal, balau atau merbau menjadi pilihan tukar ukir untuk mewujudkan ilham pada papan atau bungkah kayu. Bahagian yang akan diberikan perhatian dengan ukiran halus atau rumit adalah daun pintu, buah buton, tetupai, tiang seri dan mimbar masjid (Ismail Said dan Ahmad Saifuddin Abdullah).

Di Kelantan ukiran kayu mempunyai sifat dan ciri-ciri yang hampir sama dengan seni ukir yang terdapat di negeri Terengganu. Ukiran tertua di Kelantan ditemukan di Masjid Kampung Laut yang sudah berusia 300 tahun. Ukiran seperti siku keluang berbentuk pipah tetapi tebal terdapat pada tiang-tiang dalam masjid tersebut. Manakala, pada Masjid Tenok Manok di Selatan Thailand mempunyai tujuh komponen ukiran iaitu mimbar, tunjuk langit, buah buton, sisir angin, dinding dan som. Secara umumnya, rumah dan istana di Tanah Melayu turut mempunyai pelbagai ukiran termasuk papan tumpu kasau, papan cantik, pemeleh dan kerrawang. Penggunaan dinding janda rias dan pagar bergandik memperlihatkan bentuk sobekan ukiran timbul bersilat, tebukan, tembus dan timbulan tebal yang memperkayakan daya reka bentuk dan kemahiran pertukangan bertaraf tinggi (Syed Ahmad Halim, 1986).

Kebanyakan ukiran Melayu menunjukkan keindahan flora dan fauna dan kejadian hiasan ukiran tembus pada bahagian tingkap dan dinding. Pengukir akan mendapat ilham daripada sifat tumbuh-tumbuhan seperti melilit, berbunga cantik, bentuk daun pada tumbuhan yang menarik dan berbuah ganjil akan memberikan ilham kepada pengukir untuk mendapatkan idea bagi mengubah kesenian mereka kepada lebih simbolik. Sebagai contoh, bunga cempaka berkelopak lima atau lebih hanya hanya disimbolkan dengan empat kelopak di




dalam sobekan *sisir angin* dan pintu. Bunga teratai dibentuk dengan berpuluh-puluh kelopak, manakala buah buton hanya dibentuk dalam berberapa kelopak sahaja. Negeri Kelantan dan negeri Terengganu menggunakan motif pokok herba seperti ketumbit dan getamguri yang tumbuh menjalar di halaman sebagai motif yang terunggul.

Corak gunungan yang melambangkan alam dan Tuhan menjadi hiasan pada pintu gerbang, mimbar dan jebak puyuh. Lembaran kitab Al-Quran yang terawal turut mempunyai corak gunungan kerana di setiap pelusuk dunia bentuk seakan-akan stupa adalah bentuk yang sering digunakan pada bangunan keagamaan. Corak Makara pula berkembang kepada bentuk seperti daun atau sulur yang boleh dijumpai dalam kebanyakan hiasan keris dan panel. Ukiran corak Makara turut ada pada daun pintu, jendela dan bangau perahu (Farish, 2000). Corak gunungan turut mengambil unsur bentuk meru atau banjaran gunung dan kadangkala disebut sebagai *gunung bertuah*. Biasanya corak gunungan akan digunakan pada rabung rumah, ukiran-ukiran pada alat hiasan diri, pelamin, senjata-senjata pendek Melayu dan sebagainya (Abdul Halim, 1986).

Bentuk ukiran yang dihasilkan oleh orang Melayu bukan saja-saja dihasilkan ukiran dan motif mempunyai nilai keagamaan. Hal ini boleh dilihat dari segi pembaharuan unsur-unsur tumbuhan yang mempunyai identiti terhadap kepercayaan masyarakat Melayu dengan nilai ajaran Islam. Sebagai contoh, urutan pengubahan unsur-unsur tumbuhan seperti daun yang menggunakan *ujung daun tunduk* melambangkan rendah diri, tanda hormat kepada orang lain dan tunduk pasarah kepada Allah swt. (Mohd Hazriq, 2009). Pengolahan dan pengertian adalah saling berkait rapat dengan falsafah ketuhanan dana lam semesta, bercampur mesra dalam kelompok yang penuh keharmonian.

Akhir sekali, ukiran Melayu tidak menggunakan sebarang warna tetapi di Pantai Timur, terdapat pelbagai penggunaan warna dapat dilihat pada bangau perahu dan alat muzik seperti rebab. Cat dan air di perada emas digunakan pada mimbar, mihrab dan ukiran khat pada bangunan masjid di seluruh Semenanjung Malaysia. Ukiran Melayu dapat ditegaskan melalui sifat keaslian bahan kayu yang digunakan, memaparkan jalinan, selain kemasam (Syed Ahmad Jamal, 1992). Oleh itu, seni ukiran yang dihasilkan sejak zaman-berzaman bukan dihasilkan sahaja tetapi merupakan satu testimony perkembangan pemikiran dan kemajuan tahap perkembangan Tamadun Melayu.



Rajah 11. Jenis-Jenis Ukiran Yang Digunakan Masyarakat Melayu Dalam Seni Ukiran

Sumber: <http://www.geocities.ws/isaid04652/Fulltext009.html>

(Dilayari Pada 14 Januari 2022)

### 2.2.6 Konsep Seni Bina Warisan Dalam Reka Bentuk Dalaman

Menurut M.S. Surat & M.A Baharum (2012), tanggungjawab penting yang dimainkan oleh faktor kemanusiaan dalam membina kehidupan yang sejahtera dapat dilihat dalam warisan seni bina lampau. Pembinaan setiap ruang, maklumat seni bina atau reka bentuk tempat kediaman atau bangunan merupakan faktor yang berkait sangat rapat dengan aspek kehidupan penggunaannya yang sejahtera. Walaubagaimanapun, kini mengapakah seni bina warisan yang sangat estetika teratur itu semakin dipinggirkan, malah kita menukarnya dengan seni bina yang diinspirasikan dari negara luar sekaligus tidak memberikan kesejahteraan kepada seni bina sebenar Malaysia sebelum datangnya penjajah barat.

Selain itu, alangkah baiknya jika konsep seni bina warisan tersebut dapat digunakan ke atas rumah-rumah moden masa kini. Ini bukan bermakna seni bina Malaysia perlu meniru seratus peratus cara pembinaan seperti penggunaan bahan yang mana mungkin separuh pihak berasa konsep ini tidak sesuai diaplikasikan dengan peredaran masa. Namun, apa yang dimaksudkan adalah bagaimana kita boleh mengaplikasikan pendekatan seni bina warisan tersebut di dalam reka bentuk rumah moden serta bangunan iaitu bagaimana rumah dan bangunan warisan menggalakan pengaliran udara.


Disamping itu, penggunaan pencahayaan semula jadi, reka bentuk jimat tenaga, penggunaan bahan mesra alam, penggunaan ruang serta mengekalkan adat dan budaya di mana boleh dilakukan ke atas rumah-rumah moden untuk mencapai tahap tempat tinggal yang sejahtera. Kita perlu berbangga dengan seni bina warisan Malaysia kerana ianya merupakan seni bina yang terbaik untuk mencapai tahap kesejahteraan dalam hampir semua elemen.




Oleh itu, sekiranya konsep seni bina warisan ini masih dikekalkan sehingga sekarang ianya akan memberikan keselesaan dan kesejahteraan kepada masyarakat kerana ianya boleh diperbaiki berbanding dengan seni bina moden yang berunsurkan konkrit.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

FTKWW

### 2.3 Pendekatan Dalam Menentukan Identiti Seni Bina Di Malaysia

Menurut Mohamad Tajuddin Mohammad Rasdi (2005), Peralihan zaman moden Eropah telah melahirkan tiga 'tradisi' dalam dunia seni bina moden. Salah satunya ialah pendekatan *pure machine* seni bina ini adalah berstruktur dalam penekanan, badan serta tulang yang sangat minimalis dalam seni bina moden. Seni bina ini banyak diketengahkan oleh Ludwig Mies van der Rohe. Seni bina tradisi ini dicetuskan oleh Norman Foster, Renzo Piano dan Cesar Pelli seperti bangunan Pompidou Center, Paris. Tradisi modenisme yang kedua ialah seni bina Le Corbusier yang berbentuk 'seni bina intelektual' seperti rumah Fisenmen dan Harvard College. Seni bina terakhir adalah 'seni bina organik' yang dibawa oleh Frank Lloyd Wright bersifat lebih kepada alam semula jadi dan pengaruh budaya sebagai contoh seni bina yang terdapat pada Bruce Golf.

Pendekatan *Machine regionalism* ini sesuai dengan tradisi yang dicetuskan oleh Mies dan Corbu iaitu menilai sesuatu bangunan itu tidak lebih daripada *machine regionalism*. Seni bina *Corbu's brutalist* seperti yang ditunjukkan pada *Monastery La Tourette*, *Villa Shodan* dan *Chandigarh* memberikan sumber inspirasi kepada pembinaan Hospital Umum Kuala Lumpur, Malaysia dan banyak pensyarah teater Universiti Malaya, Dewan Konvensyen dan rumah Ken Yeang's Roof-roof. Penggunaan *overhangs*, "egg crate", dan bukaan pada konkrit merupakan ciri seni bina ini. Malaysia tidak membina bangunan menggunakan identiti tersendiri. Tetapi hanya membina bangunan yang tidak beridentiti berbentuk pasif sebagai tindak balas iklim setempat.

Seni bina *Primitive regionalism* ini hampir sama dengan *machine regionalism* dalam usahanya membangunkan seni bina yang bersifat pasif. Walau bagaimanapun, *primitive regionalism* percaya bahawa bahan binaan memainkan watak utama bukan sahaja dalam keadaan yang baik namun, seni bina ini juga menghubungkan manusia sebagai bahagian *Nature's children*. Frank Lloyd Wright merupakan bapa pendekatan organik dengan melihat potensi pembelajaran seni bina tradisi Melayu.

Di Malaysia, seni bina Resort Datai Langkawi, Serbana Cove dan Hotel Sofitel, Johor menggunakan susun atur beranda tropika, bangunan yang lebih terbuka, dan banyak binaan kayu digunakan untuk menonjolkan identiti seni bina iaitu *fantasy of a tropical paradise*. Namun, terdapat masalah dalam seni bina ini dipersoalkan iaitu apakah fungsi utama kayu dalam bangunan tersebut kepada orang awam. Persoalanan ini telah di tafsirkan semula dan menginovasikan pembinaan kayu dan pengudaraan bangunan tanpa perlu diambil serius dalam usaha menangani isu ini.

*Modernistic Expressionism* digunakan untuk menerangkan Masjid Negara, bangunan parlimen, dan Masjid Negeri di Negeri Sembilan. Makna *modernistic expressionism* menyelitkan pendekatan teknologi membangun seperti dalam karya Ken Yeang maksud *expressionism* digunakan oleh para sejarawan dalam mengkritik seni bina bagi menggambarkan kecenderungan tertentu dalam seni bina tersebut. Sebagai contoh, Masjid Negara adalah hasil seni bina Malaysia yang terbaik dan unik kerana ia menjadikan bangunan masjid tersebut sebagai wakaf yang besar seperti tempat perlindungan atau sebagai struktur serambi-beranda. Disamping itu, penolakan simetri dan komposisi hierarki yang sangat ketat dari penyebaran massa memperlihatkan gambaran Islam bukannya meniru kubah serta lengkungan.

### 2.3.1 Gaya Rupa Seni Bina

Gaya rupa atau “*style*” membawa kepada definisi suatu komposisi komponen bangunan seperti tiang, tingkap, pintu, hiasan, alang bumbung dan sebagainya yang diubah secara tidak sengaja hingga mewujudkan suatu identiti tersendiri pada keseluruhan rupa bangunan. Gaya rupa turut diklarifikasikan kepada gaya rupa sebenar dan gaya rupa tiruan. Gaya rupa sebenar bangunan terhasil menggunakan bahan binaan yang diolah mengikut sesuatu bahasa vernacular binaan itu. Manakala, gaya rupa tiruan membawa masuk penerapan gaya rupa sebenar sesuatu bangsa asing atau sebahagian dari gaya rupa tersebut (Dr. Tajuddin b. Mohamad Rasdi).

Penterjemahan warisan intelektual klasik dan antike dari bahasa Arab ke bahasa Latin di Eropah serta jumpaan arkeologi tinggalan warisan kesenian tamadun awal Eropah telah membuka penerokaan ke alam tingkat kerja pemikiran baru yang boleh menggantikan dogma Kristian. Di dalam seni bina persoalan telah timbul tentang seni bina apakah yang sepatutnya digunakan bagi era pemikiran baru ini bagi menggantikan dogma Kristian. Jawapan kepada persoalan gaya rupa ini ialah penerapan dan peniruan seni bina Klasikal, Rumawi dan Mesir di dalam bangunan. Namun, dalam setiap elemen gaya rupa yang dipersetujui terdapat perbincangan berkaitan seni bina mana yang lebih cantik, rasional, lebih hakiki sifat seni binanya dan pelbagai lagi isu timbul. Kesannya, pada zaman Eropah silam arkitek menyarankan penggunaan keseluruhan seni bina Klasikal pada gedung keilmuan seperti Muzium dan Universiti manakala Seni bina Rumawi lebih layak pada bangunan mentadbir dunia dan perniagaan. Seni bina Gothik pula lebih banyak dikhususkan pada Gereja disebabkan seni bina ini lebih kepada keagamaan serta keimanan orang-orang Kristian di pada Zaman Pertengahan Eropah.

Di Malaysia, penjajah Inggeris banyak memperkenalkan pelbagai gaya rupa Eropah di negara ini. Penggunaan gaya rupa Neo-Klasikal, Boroque, Gothik, Tudor dan Moghul amat banyak pada zaman penjajahan terdahulu dalam gaya rupa seni bina yang mempunyai identiti tersendiri. Kebiasaannya, gaya rupa Gothik merupakan elemen karektor yang digunakan kepada bangunan Gereja dan berberapa sekolah Convent. Gaya rupa Neo-Klassikal pula diadaptasikan ke binaan bangunan-bangunan, pentadbiran, rumah-rumah pentadbiran, sekolah-sekolah, kelab-kelab dan bangunan awam lain. Manakala, gaya rupa Tudor pula sering digunakan untuk menghiasi bangunan-bangunan “rekreasi” seperti bangunan Kelab Selangor dan rumah-rumah peranginan yang terdapat di Genting Highland. Gaya rupa Moghul serta Indo-Islam digunakan pada masjid dan turut terdapat pada mahkamah serta terminal keretapi. Gaya rupa Moghul diterjemahkan dalam alam Melayu oleh penjajah berkemungkinan disebabkan Tanah Melayu ketika itu mengamalkan cara hidup Islam dan menganut agama Islam secara keseluruhan.

Kebanyakan bangunan-bangunan tersebut dibina pada kurun kesembilan belas dan awal kurun kedua puluh. Gaya rupa antarabangsa atau *The International Style* telah wujud pada persekitaran 1930-an. Dengan adanya kemunculan seni bina *modernisme* ini ke alam Melayu yang terkenal dengan sikap anti sejarahnya pendekatan *revivalisme* diketepikan sebagai suatu kaedah yang ketiadaan idea seni bina. Falsafah moden menegaskan bahawa bangunan moden perlu digabungkan dengan pelbagai seni rupa bagi menyatupadukan seluruh rakyat dunia di dalam satu budaya yang sama. Pendekatan *revivalisme* tidak diterima oleh golongan modenis kerana bersikap irrasional, romantik dan kolot. Para modenis berpendapat gaya rupa yang direka moden merupakan bangunan yang berfungsi sebagai mesin penginapan manusia. Gaya rupa atau elemen tradisional merupakan hiasan semata-mata dan bersifat pembaziran sahaja.



Rajah 12. Gaya Rupa Seni Bina Gothik Di Malaysia

Sumber: <https://www.triphobo.com/places/george-town-malaysia/penang-city-hall>

(Dilayari Pada 14 Januari 2022)




Rajah 13. Gaya Rupa Seni Bina Neo-Klassikal Di Malaysia

Sumber: [https://www.tripadvisor.com.my/ShowUserReviews-g298570-d6104102-r268785614-Church\\_of\\_the\\_Holy\\_Rosary-Kuala\\_Lumpur\\_Wilayah\\_Persekutuan.html](https://www.tripadvisor.com.my/ShowUserReviews-g298570-d6104102-r268785614-Church_of_the_Holy_Rosary-Kuala_Lumpur_Wilayah_Persekutuan.html)

(Dilayari Pada 14 Januari 2022)

MALAYSIA  
KELANTAN





Rajah 14. Gaya Rupa Seni Bina Tudor Di Malaysia

Sumber: <https://leemeiee.wordpress.com/tag/tudor-style-bungalows-in-malaysia/>

(Dilayari Pada 14 Januari 2022)



Rajah 15. Gaya Rupa Seni Bina Moghul Di Malaysia

Sumber: <https://tuengr.com/V10A/10A12I.pdf>

(Dilayari Pada 14 Januari 2022)

## 2.4 Istana

Secara teorinya binaan setiap istana di Raja mempunyai unsur-unsur nilai tertentu kerana mempunyai tarikan serta nilai sentimental yang mendalam kepada golongan rakyat mahupun golongan istana sendiri. Istana yang di bina juga menunjukkan kualiti yang setanding dengan istana-istana lain untuk dijadikan lambang kebanggan rakyat jelata negeri, struktur binaan istana juga menunjukkan keunikan sesuatu negeri itu dalam menghasilkan bangunan istana yang mempunyai nilai sejarah tersendiri (N.A.A Nik Din, Rashid dan N.H Salleh) *The Architecture of Istana Jahar: Apprehed the parameters of historical changes*, (2004).

Istana merupakan kediaman rasmi raja-raja tanah Melayu dan kaum kerabatnya. Istana berfungsi sebagai tempat persemayaman raja sama ada yang mentadbir negeri ataupun tidak, istana juga dijadikan pusat pentadbiran utama dalam sistem pemerintahan raja berperlembagaan di Malaysia (Rifaldy Aditya Dethan & Andreas Pandu Setiawan, 2004). Struktur binaan istana mempunyai keistimewaan tersendiri sama ada dari sudut rupa bentuk dan ruangan yang terdapat dalam istana setiap istana di bina berdasarkan ciri-ciri negeri tersebut ada yang di bina secara moden, tradisional dan campuran antara dua buah negara disebabkan pengaruh luar.



### 2.4.1 Seni Bina Dan Istana

Seni bina merupakan medium untuk meneroka dan mempelajari budaya serta hierarki dalam masyarakat kerana binaan istana, monumen dan seni bina lain dibina berdasarkan masyarakatnya yang mempunyai identiti budaya. Seni bina juga adalah untuk mempelajari bahan-bahan, pelan, reka bentuk, motif dan bagaimana ianya berkembang dari masa ke semasa. Seni bina ini turut menghubungkan identiti yang unik dalam pengaruhnya tersendiri dimana akan memperagakan simbol sesuatu bangsa atau sesebuah masyarakat.

Selain itu, seni bina yang dihasilkan akan menjadi satu pelan pembinaan untuk pentadbiran, tempat tinggal, dan pembentukan sesebuah negeri tersebut melalui pelan rancangan binaan yang disediakan (Khare, Delhi University). Seni bina turut digunakan dalam setiap pembinaan termasuk istana. Istana raja-raja akan dihasilkan oleh para arkitek berdasarkan masyarakat setempat yang mempunyai ciri budaya unik dalam membangunkan sesebuah bangunan. Seni bina istana di Malaysia bukan sahaja dibina secara bersahaja oleh para arkitek dalam seni bina mereka. Tetapi seni bina ini mempengaruhi sebahagian daripada budaya masyarakat si sesebuah negeri.

Istana Jahar di Kelantan merupakan salah satu contoh seni bina istana yang mempunyai nilai warisan yang berubah mengikut bentuk dan fungsi sesebuah istana tersebut dan pengaruh sosial serta seni binanya mempunyai kaitan persekitaran budaya setempat. Seni bina istana ini telah dirombak berdasarkan kerosakan yang terdapat pada istana sebelum dipindahkan di tempat baru dan melalui berberapa proses penyenggaraan dilaksanakan (N.A.A. Nik Din, Md M. Rashid & N.H. Salleh, 2014). Istana Jahar turut mempunyai nilai sejarah bangunan yang diperturunkan ke satu generasi ke generasi yang lain (R. Amoeda, S. Lira & C Pinheiro (eds

## 2.5 Rumusan Bab

Kesimpulannya, dalam bahagian ini pengkaji mendapati banyak kajian berkaitan dengan seni bina telah dijalankan di Malaysia kerana negara juga tidak lari dari arus pemodenan berkaitan dengan seni bina. Di Kelantan, ciri-ciri yang di terapkan dalam sesebuah seni bina adalah bercirikan moden dan tradisional boleh dilihat dalam binaan-binaan yang terdapat pada bangunan dan rumah. Oleh itu, walaupun seni bina di Malaysia mempunyai banyak unsur pengaruh luar sebelum merdeka lagi. Ianya merupakan salah satu lambang atau simbol keunikan seni bina yang ada di Malaysia. Sebagai contoh, negeri Kelantan yang kaya dengan hasil seni dari bangunan sehingga warisan turun temurun yang diwarisi sejak zaman berzaman.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN


#### 3.1 Pengenalan

Menurut kamus Dewan edisi keempat, metodologi di definisikan sebagai sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Definisi lain untuk metodologi kajian juga ialah kaedah, jalan, teknik, gaya, ragam, rentak, corak dan sistem. Metodologi kajian sangat penting dalam sesebuah kajian kerana metodologi kajian digunakan untuk menentukan kaedah kajian yang akan digunakan dalam kajian. Selain itu, metodologi kajian akan membantu penyelidik untuk lebih memahami dengan lebih luas tentang kaedah-kaedah dengan membuat huraian mengenai proses kajian yang akan dilaksanakan.

Seterusnya, setelah semua data kajian dikumpulkan oleh pengkaji penganalisan akan dijalankan untuk menentukan sama ada objektif kajian diperolehi atau tidak. Oleh itu, metodologi kajian merupakan rangka penting dalam memastikan kajian yang dijalankan mencapai matlamat pengkaji dalam menghasilkan kajian akhir. Metodologi kajian perlu di buat secara teliti agar kaedah yang dilaksanakan oleh pengkaji menepati piawaian kajian yang ditetapkan.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang akan digunakan oleh pengkaji semasa melaksanakan kajian ini ialah berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji menggunakan kaedah ini kerana, ianya akan menjawab objektif kajian yang melibatkan data-data berbentuk sumber primer dan sumber sekunder hasil kajian. Data-data yang diperolehi oleh penyelidik melalui kaedah ini akan dianalisis mengikut metodologi yang digunakan semasa kajian dilaksanakan. Berikut merupakan carta alir kajian untuk menyelesaikan objektif yang dinyatakan oleh pengkaji:



Rajah 16. Carta Alir Metodologi Kajian

### 3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif, merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian kaedah ini hanya melibatkan data-data yang diskrekitif serta penulisan. Selain itu, data kualitatif digunakan dalam proses pengumpulan maklumat, temubual, rakaman video dan foto. Di samping itu, kaedah kualitatif ini sangat berbeza dengan kaedah kuantitatif yang mana kaedah kualitatif hanya memerlukan pengumpulan data daripada penulisan serta gambaran.

### 3.2.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif adalah data-data yang dikumpulkan melalui borang soal selidik yang diedarkan oleh pengkaji menggunakan *google form* kaedah ini digunakan disebabkan oleh pandemik COVID-19 menyukarkan pengkaji untuk bergerak ke tapak kajian. Hasil dapatan kajian akan diterjemahkan dalam bentuk carta pai berdasarkan maklumat daripada responden.

### 3.2.3 Kajian Lapangan

Pengkaji telah melawat tapak kajian sebagai langkah pertama dalam menghasilkan tajuk yang sesuai berkaitan dengan kajian. Tujuan pengkaji adalah untuk melihat sendiri keadaan struktur bangunan Istana Jahar. Hasil daripada lawatan ke tapak kajian, pengkaji mendapati terdapat keunikan pada seni bina Istana Jahar. Sehingga menjadi salah satu tarikan kepada pelancong untuk datang melihat keunikan Istana tersebut. Kajian lapangan juga penting untuk pengkaji dalam menjalankan kajian kerana sumber maklumat daripada infomen berkaitan Istana Jahar perlu didapatkan secara terus semasa kajian lapangan.

### 3.2.4 Pemerhatian

Hasil daripada pemerhatian, pengkaji boleh melihat secara langsung keadaan bangunan Istana Jahar. Kajian juga boleh dijalankan terus kerana ianya merupakan kesempatan pengkaji dalam membuat kajian secara langsung, melalui pemerhatian juga pengkaji dapat memahami situasi yang terjadi di tapak kajian. Oleh itu, pemerhatian yang dibuat dapat menambah idea pengkaji dalam menghasilkan penulisan. Pemerhatian sangat penting dalam sesebuah kajian kerana melalui pemerhatian. Pengkaji dapat memerhati kawasan sekeliling istana serta dapat menerokai bahagian dalaman istana itu sendiri.

### 3.2.5 Temubual

Menurut Mohd (2005), temubual merupakan kaedah yang penting dalam membuat kajian kerana ia akan memudahkan penyelidik dan responden menyampaikan serta mendapatkan maklumat yang sahih hasil daripada temubual yang di buat. Hasil temubual yang dijalankan akan menjadi bahan bukti kepada pengkaji dalam menghasilkan kajian serta akan menjadi rujukan kepada pengkaji bagi mencapai objektif kajian. Kaedah temubual telah dijalankan oleh pengkaji kepada beberapa orang responden atau informen yang bertanggungjawab untuk menjawab kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Kaedah ini perlu dijalankan oleh pengkaji bagi mendapatkan sumber yang sahih daripada pihak responden sendiri berkaitan dengan Istana Jahar. Dalam kaedah ini, pengkaji membuat catatan penting untuk dijadikan bahan bukti dan perbualan juga dirakam oleh pengkaji bagi memudahkan pengkaji menulis maklumat yang disampaikan.

### 3.2.6 Kaedah Catatan

Catatan merupakan bukti kepada kajian pengkaji sendiri, catatan dibuat dalam buku nota yang disediakan oleh pengkaji sendiri sebagai buku utama dalam kajian. Catatan yang diambil adalah hasil daripada temubual bersama infomen langsung ataupun secara tidak langsung akan dicatatkan terus ke dalam buku yang disediakan pengkaji. Selain itu, dalam kajian ini setiap pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji akan dicatat sebagai bukti kepada lawatan ke tapak kajian ataupun lawatan secara pemerhatian. Catatan ini juga digunakan sebagai sumber primer kerana ianya bersifat secara terus dalam mendapatkan data-data serta maklumat penting daripada kajian.

### 3.2.7 Kaedah Rakaman Dan Fotografi

Pengkaji menggunakan kaedah rakaman serta fotografi dalam mendapatkan maklumat-maklumat penting. Pengkaji menggunakan alat rakaman daripada telefon pintar serta pengambilan foto menggunakan telefon pintar pengkaji sendiri. Kaedah ini penting untuk dijadikan sebagai bukti kajian kerana setiap rakaman dan foto yang ditangkap mempunyai maklumat lengkap dalam kajian, sama ada dari sudut tarikh dan masa akan dicatat dalam penulisan pengkaji sebagai bukit yang sah kajian dijalankan dengan menggunakan kedua-dua kaedah ini.

### 3.2.8 Rujukan Perpustakaan

Pengkaji banyak menggunakan sumber maklumat daripada perpustakaan berkaitan dengan tajuk dalam kajian yang dilaksanakan, kerana melalui kajian perpustakaan penyelidik dapat mencari buku-buku berkaitan dengan kajian serta bacaan boleh di buat secara langsung sebagai rujukan pengkaji sendiri. Rujukan perpustakaan bukan sahaja memudahkan pengkaji dalam membuat kajian. Perpustakaan juga menjadi sumber pengkaji untuk menelaah lebih banyak hasil kajian berkaitan dengan pengaruh seni bina tanpa menggunakan rujukan internet, dan rujukan perpustakaan juga merupakan sumber yang sah untuk dirujuk sama ada untuk mencapai objektif kajian ataupun untuk mencari permasalahan kajian.

### 3.2.9 Rujukan Internet

Internet merupakan *flatform* yang semakin banyak digunakan dalam mencari data dan maklumat berkaitan. Pengkaji menggunakan *flatform* ini sebagai bahan rujukan kerana melalui rujukan internet pengkaji bukan sahaja boleh memahami tajuk kajian. Namun, melalui internet juga pengkaji dapat mengumpul maklumat berkaitan dengan Istana Jahar sendiri. Rujukan artikel, jurnal dalam internet dapat membantu pengkaji mendapatkan lebih banyak rujukan dan menambah pengetahuan berkaitan kajian. Rujukan internet juga penting kerana pengkaji dapat menggunakan flatform seperti *Google maps*, *Google scholar*, dan *Google Images* sebagai rujukan utama internet.

MALAYSIA

KELANTAN



### 3.2.10 Rujukan Tesis

Dalam kajian ini juga, pengkaji menjadikan tesis lepas sebagai bahan rujukan. Tesis yang dipilih mempunyai rujukan yang berkaitan dengan Istana Jahar. Disamping itu, tesis yang digunakan membantu pengkaji untuk lebih memahami lagi kajian kerana beberapa tesis yang digunakan mempunyai perbezaan gaya penulisan yang boleh dijadikan sumber rujukan pengkaji dalam mengumpulkan maklumat lepas berkaitan dengan Istana Jahar.

### 3.3 Instrumen kajian

Instrumen kajian merupakan alat yang digunakan semasa menjalankan kajian. Instrumen kajian berfungsi sebagai menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Oleh itu, instrumen kajian merupakan alat untuk pengkaji dalam membuat kajian semasa kajian dilaksanakan.

#### 3.3.1 Tangkapan foto


Instrumen kajian seperti tangkapan foto menjadi bahan bukti kepada pengkaji sebagai keaslian kajian. Hasil daripada tangkapan foto tersebut pengkaji boleh meletakkan foto dalam kajian. Tangkapan foto juga penting kerana pengkaji mampu menganalisis setiap elemen-elemen seni yang terdapat pada ruangan dalaman istana, bahagian luaran istana dan seni bina yang mempengaruhi istana tersebut dengan menggunakan kamera berkualiti iaitu *DSLR*.

#### 3.3.2 Perakam suara

Perakam suara juga digunakan dalam kajian ini, tujuan perakam suara digunakan adalah untuk merakam perbualan antara pengkaji bersama informen yang berada di Istana Jahar. Perakam suara sangat memudahkan pengkaji dalam metodologi kerana melalui rakaman suara pengkaji dapat mengambil info penting yang disampaikan oleh informen berbanding dengan kaedah catatan. Perakam suara dapat diulang beberapa kali untuk mendapatkan maklumat serta merupakan bahan bukti dalam penyelidikan perakam suara yang digunakan adalah *recorder* daripada telefon pintar.

### 3.4 Analisis Data

Analisi data merupakan kaedah untuk mempersembahkan maklumat data dalam bentuk yang lebih mudah difahami supaya penyediaan lebih teratur. Analisis yang digunakan oleh pengkaji adalah menganalisis data kajian secara kualitatif dan kuantitatif. Analisis data ini digunakan untuk meleraikan permasalahan kajian serta analisis data untuk mencapai objektif kajian pengkaji. Berikut disediakan carta aliran dan jadual penganalisan data kajian:



Rajah 17. Carta Aliran Analisis Kajian

Objektif kajian	Pendekatan kajian	Instrumen kajian
<p><b>1. Mengkaji latar belakang pembangunan Istana Jahar</b></p>	<p>1. Sumber Primer 2. Sumber Sekunder</p>	<p><b>Kaedah temubual</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Soalan berbentuk struktur dan tidak berstruktur.</li> <li>❖ Menggunakan peralatan seperti perakam suara dan buka catatan sebagai bukti temubual.</li> <li>❖ Mengatur masa dan tarikh yang sesuai bagi menghubungi serta berjumpa dengan informen.</li> </ul> <p><b>Rujukan internet</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Mencari info kajian melalui portal Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.</li> <li>❖ Bahan ilmiah seperti artikel serta jurnal digunakan untuk menambah bahan rujukan.</li> </ul> <p><b>Rujukan perpustakaan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Tesis lepas menjadi rujukan dalam kajian yang pengkaji perolehi di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan</li> </ul>

<p><b>2. Mengenalpasti pengaruh seni bina pada Istana Jahar.</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sumber Primer</li> <li>2. Sumber Sekunder</li> </ol>	<p><b>Pemerhatian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Mengunjungi Istana Jahar terlebih dahulu untuk melihat sendiri keadaan sebenar kawasan Istana.</li> <li>❖ Memasuki ruangan dalaman Istana untuk melihat sendiri struktur seni bina.</li> <li>❖ Mengambil gambar untuk dijadikan rujukan dalam pemerhatian.</li> </ul> <p><b>Temubual</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Menemu bual pihak bertanggungjawab terhadap Istana Jahar untuk mendapatkan info yang tepat.</li> <li>❖ Menyediakan catatan dan rakaman suara sebagai <i>back-up</i> pengkaji.</li> </ul> <p><b>Rujukan buku</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Menggunakan buku sebagai rujukan berkaitan pengaruh seni bina di Malaysia.</li> </ul> <p><b>Rujukan internet</b></p> <p>Internet dijadikan sumber sekunder kajian untuk mengenalpasti pengaruh seni bina terutamanya <i>Google Scholar</i>.</p>
--	--	---

<p><b>3. Mengenalpasti 'elemen penentu karektor' pada Istana Jahar.</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sumber Primer</li> <li>2. Sumber Sekunder</li> </ol>	<p><b>Kaedah temubual</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Kaedah rakam suara dan catatan dibuat daripada informen yang berpengetahuan serba sedikit mengenai seni bina.</li> </ul> <p><b>Rujukan buku</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Rujukan buku-buku seni bina digunakan untuk mengenalpasti elemen penentu karakter yang terdapat pada Istana Jahar.</li> </ul> <p><b>Rujukan internet</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Rujukan internet melalui <i>Google Scholar</i>.</li> </ul> <p><b>Borang soal selidik</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Diedarkan secara <i>Google forms</i>. 65 orang responden secara rawak menjawab soalan.</li> </ul>
---	--	---

Jadual 1. Penganalisan Data

### 3.5 Rumusan Bab

Kesimpulannya, metodologi kajian merupakan kaedah yang paling penting dalam sesebuah kajian dibuat. Dalam metodologi kajian, hanya beberapa senarai kaedah sahaja yang digunakan oleh pengkaji diletakkan dalam penulisan kajian. Metodologi kajian juga membantu pengkaji dalam memahami lagi kajian yang akan dibuat kerana mempunyai rangka. Justeru itu, metodologi sangat penting dalam setiap kajian untuk dijadikan sumber rujukan kepada pengkaji dan merupakan bukti kepada kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji.



## BAB 4

### ANALISIS KAJIAN

#### 4.0 PENGENALAN

Menurut Ummi Adibah (2019), analisis data adalah proses penyelidikan dimana data yang dikumpul ialah untuk merumuskan sesuatu masalah dalam kajian. Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengumpul data kajian melalui dapatan kajian yang telah diperolehi berdasarkan kaedah kajian yang digunakan sebelum ini iaitu kaedah temubual, rujukan internet, rujukan perpustakaan, kajian lapangan, pemerhatian buku serta borang soal selidik. Selain itu, temubual dilaksanakan melalui informen yang diberi tanggungjawab dalam menguruskan serta menjaga Istana Jahar. Informen tersebut ialah Puan Zuhaini binti Mohd Zain bertugas selaku Pembantu Muzium yang telah bertugas di Istana Jahar sejak tahun 1997 lagi. Manakala, bagi borang soal selidik pula ianya tidak dapat diedarkan secara fizikal kepada pengunjung Istana Jahar disebabkan oleh faktor COVID-19 yang masih menular di negara. Oleh itu, pengkaji menggunakan *google forms* sebagai medium utama dalam melaksanakan soal selidik dan ianya memerlukan 65 orang responden secara rawak untuk mengisi soal selidik tersebut secara atas talian. Soal selidik hanya dilaksanakan sekali sahaja untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada responden.



Rajah 18. Puan Zuhaini binti Mohd Zain  
(Pembantu Muzium Istana Jahar)


#### 4.1 Latar Belakang Pembangunan Istana Jahar

Hasil daripada temubual bersama Puan Zuhaini binti Mohd Zain iaitu selaku pembantu muzium, beliau menyatakan bahawa Sultan Muhammad II merupakan orang yang bertanggungjawab dalam idea asal usul pembinaan Istana Jahar ini. Sultan Muhammad II membina Istana ini untuk dihadiahkan kepada cucunda baginda iaitu Long Kundur. Istana Jahar telah di bina pada 1887, pada ketika itu Istana Jahar di bina berdekatan dengan Tambatan Di Raja kerana ianya merupakan pusat bandar negeri Kelantan pada suatu ketika dahulu. Namun, Istana Jahar telah di pindahkan ke kawasan baru berserta Istana Balai Besar ditengah-tengah pusat bandar Kota Bahru kini.

Selain itu, informen juga menyatakan Istana Jahar dipindahkan ke kawasan yang lebih luas dan tinggi disebabkan kawasan sebelumnya mengalami hakisan akibat daripada air sungai yang semakin tinggi. Istana Jahar juga pada suatu ketika dahulu merupakan tempat persemayaman para Sultan negeri Kelantan sebelum diserahkan menjadi muzium adat istiadat Di Raja. Informen juga memberikan maklumat serba sedikit berkaitan dengan tempat asal Istana Jahar iaitu di Kota Saba tempat dimana pusat bandar serta pusat pemerintahan Sultan sebelum di pindahkan.

Fungsi utama Istana Jahar sebelum dan selepas diambil alih menurut informen ialah, pada ketika pemerintahan di Kota Saba. Istana Jahar dijadikan sebagai tempat persemayaman bagi raja-raja Melayu Kelantan. Istana Jahar juga dijadikan sebagai tempat keramaian seperti perkahwinan di Raja, bersiram, melenggang perut serta pelbagai hiburan untuk tatapan keluarga di Raja. Pada tahun 1981, Istana Jahar telah diserahkan kepada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan sebagai Muzium adat istiadat Istana Jahar. Pelbagai koleksi dipamerkan dalam muzium ini berkaitan dengan adat istiadat Di Raja Kelantan untuk dipertontonkan kepada umum seperti ruangan tekstil, ruang perkahwinan, aksesori dan sebagainya.

#### 4.1.2 Sejarah Bangunan



Rajah 19. Sumber rujukan pengkaji

Sumber: Facebook Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (Dilayari pada 20 November 2021)

Bangunan Istana Jahar pada asalnya bukanlah seperti sekarang iaitu mempunyai struktur bangunan dua tingkat. Pada dasarnya, Istana Jahar suatu ketika dahulu sebelum diubah suai mempunyai struktur bangunan asal satu tingkat sahaja yang dikenali sebagai Istana Raja Bendahara sempena nama gelaran kepada cucunda Sultan Muhammad II iaitu Long Kundur. Pembinaan Istana Jahar bermula pada tahun 1837-1886 dan selesai pada tahun 1887 sejurus sahaja setahun kemangkatan Sultan Muhammad pada tahun 1886. Istana ini dibina sebagai ganjaran perkahwinan cucunda baginda sultan kepada Long Kundur dan Tengku Embong iaitu anak kepada Sultan Pattani III Tengku Puteh. Pada masa itu Long Kundur memakai gelaran Raja Bendahara.

Selepas kemangkatan Sultan Muhammad II takhta telah digantikan oleh anak almarhum sultan iaitu Long Sulong yang menggunakan gelaran Sultan Ahmad. Pada zaman pemerintahan Long Sulong Istana Jahar telah didiami oleh anakandanya Long Kundur. Sultan Ahmad tidak lama memerintah negeri Kelantan pada masa itu disebabkan telah jatuh sakit dan mangkat pada tahun 1889. Setelah ayahanda Long Kundur mangkat, Long Kundur telah ditakhtakan sebagai pengganti sultan pada tahun 1889 dengan gelaran Sultan Muhammad

III. Baginda terus bersemayam di Istana Jahar sekaligus menjadikan Istana Jahar sebagai pusat pemerintahan serta pentadbiran kerajaan. Long Kundur mangkat pada tahun 1890 setelah setahun lebih menaiki takhta.

Long Mansur iaitu adinda almarhum sultan telah ditabalkan sebaik sahaja sultan mangkat. Manakala, Long Senik merupakan anakanda Sultan Muhammad III telah dilantik menjadi Tengku Indera Mahkota. Semasa era pemerintahan Long Mansur, baginda telah memindahkan pusat pentadbiran kerajaan dan tempat persemayaman sultan ke Istana Balai Besar. Bangunan Istana Jahar telah dijadikan tempat persemayaman Long Senik berserta pengganti sultan yang lain sebagai tempat persemayaman dan Istana Balai Besar pula dijadikan tempat untuk bersemayam sultan yang memerintah.

Pada tahun 1899 Long Mansur mangkat baginda diganti oleh Long Senik dan memakai gelaran Sultan Muhammad IV. Baginda telah bersemayam di Istana Balai Besar dan Istana Jahar telah dibiarkan kosong bagi membolehkan proses pengubahsuaian dan pembaikan struktur Istana Jahar. Bermula zaman pemerintahan Sultan Muhammad IV telah mentitahkan agar Pokok Jahar di tanam di bahagian halaman Istana. Pokok Jahar merupakan pokok yang paling banyak tumbuh di bumi Kelantan ketika itu pohannya berbunga sebesar bunga melor dan berwarna kuning lemak ketam. Daun pokok Jahar sebesar ibu jari dan berbentuk seolah-olah bujur empat persegi. Lazimnya, daun pokok Jahar ini digunakan oleh orang India untuk masakan kari pada hari jumaat, orang melayu menggunakan bunga daripada pokok Jahar sebagai ramuan nasi kerabu. Orang Siam pula memanggil pokok Jahar sebagai *kelek* dan sangat memuliakan pokok ini.

Sultan Muhammad IV telah mangkat pada tahun 1920, baginda telah digantikan oleh anakandanya iaitu Tengku Ismail yang memakai gelaran Sultan Ismail. Baginda merupakan sultan yang terakhir menjadikan Istana Jahar sebagai tempat persemayaman dan Istana Balai Besar hanya untuk pentadbiran kerajaan Kelantan. Pada tahun 1944, Sultan Ismail telah mangkat dan digantikan dengan adindanya iaitu Tengku Ibrahim. Semasa zaman pemerintahan Sultan Ibrahim, baginda telah mengurnikan Istana Jahar kepada menantunya

iaitu Raja Perempuan Zainab II (Tengku Zainab binti Tengku Muhammad Petra) isteri kepada Sultan Yahya Petra. Semasa pemerintahan Sultan Ibrahim, Sultan Yahya Petra masih memegang gelaran Tengku Bendahara. Tengku Yahya Petra bersemayam di Istana Batu dan Istana Jahar dijadikan sebagai pejabat baginda pada ketika itu.

Pada era pemerintahan Sultan Yahya Petra setelah kemangkatan Sultan Ibrahim, Istana Jahar telah dibiarkan tidak terurus kerana baginda sendiri bersemayam di Istana Kota Lama. Menurut Tan Sri Mubin Sheppard dalam artikelnya yang bertajuk *Kelantan Palaces Of The Past*. Setelah sekian lama dibiarkan tidak terurus pada tahun 1965 bangunan asal Istana Jahar telah dirobuhkan dan tapak bangunan yang menempatkan Istana Jahar pada masa kini merupakan tapak baru.

Sultan Ismail Petra (1979-2010), telah ditabalkan menjadi sultan Kelantan selepas kemangkatan ayahandanya. Istiadat giliran-gemilang ini telah diadakan di Istana Balai Besar. Pada zaman pemerintahan Sultan Ismail Petra, baginda telah mengampuni perkenaan bangunan Istana Jahar dipinjamkan kepada Kerajaan Negeri untuk dijadikan Muzium Negeri Kelantan pada tahun 2010. Bagi mewujudkan Muzium Negeri banyak pembaikan serta pengubahsuaian dilaksanakan disebabkan oleh bangunan yang uzur kerana terlalu lama dibiarkan kosong. Begitu juga dengan kawasan sekitarnya yang memerlukan *land-scaping* sesuai dengan mewujudkan sebuah Muzium Negeri yang akan menjadi pusat lawatan pelancong sama ada daripada dalam dan luar negara.

Disamping itu, setelah kerja-kerja pembaikan serta pengubahsuaian tamat dilaksanakan maka bangunan Istana Jahar telah dirasmikan sebagai Muzium Negeri oleh Raja Perempuan Zainab II pada 30 Mac 1981 bersempena dengan sambutan Ulangtahun Keputraan Al-Sultan Kelantan. Pameran pertama yang diadakan bertajuk 'Pameran Raja Kita'. Seterusnya pada bulan Ogos 1990, Muzium Negeri Kelantan telah berpindah ke bangunan baru iaitu bangunan lama Majlis Perbandaran Kota Bahru. Bangunan Istana Jahar sekali lagi diubahsuai. Muzium ini tidak lagi dikenali sebagai Muzium Negeri tetapi diganti dengan nama Muzium Adat Istiadat Diraja Kelantan dan dirasmikan oleh Al-Sultan pada 27 Julai 1992.


Akhir sekali, muzium ini kini mempamerkan berbagai jenis Adat Istiadat Diraja Kelantan sejak pemerintahan sultan pertama lagi. Selain itu, muzium ini juga mempamerkan jenis-jenis alat perhiasan diri, tekstil, pakaian dan barang-barang tembaga untuk dipertontonkan kepada masyarakat umum serta generasi masa akan datang.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

FTKWW



### 4.1.3 Struktur Bangunan

Sejarah perkembangan seni bina tidak asing lagi pada zaman yang serba moden ini. Seni bina mencerminkan falsafah hidup sesuatu bangsa, peradaban kebudayaan dan emosi. Sejarah seni bina menjadi bahan bukti nyata mengenai kemahiran dan kemajuan yang dicapai dan secara tidak langsung menjadi identiti sesebuah bangsa tersebut. Reka bentuk bangunan Istana Jahar merupakan gabungan Timur dan Barat. Pengaruh Barat boleh dilihat melalui anjung yang terlihat jelas pada bahagian hadapan atap. Atap Istana Jahar berbeza dengan rumah-rumah bujang yang terdapat di negeri Kelantan secara khususnya serta atap Istana Jahar juga tidak menyerupai atap rumah Kelantan tiang 12.

Hal ini sama dengan bentuk tiang yang terdapat pada Istana Jahar, tiang tersebut berbentuk silinder dan diperbuat daripada konkrit berbeza dengan alam melayu tiang rumah berbentuk empat segi dan bulat sahaja. Selain itu, bangunan Istana Jahar masa kini mempunyai struktur bangunan dua tingkat serta dibina berbentuk empat persegi panjang yang menghubungkan dua tangga berpusing yang terletak di sudut belakang Istana Jahar. Di bahagian bawah Istana Jahar terdapat tiga ruangan utama serta koleksi pameran seperti ruang surung, ruang serambi dan ruang tengah.



#### 4.1.3.1 Ruang Surung



Rajah 20. Ruang Surung Istana Jahar

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)

Ruangan ini terletak berdekatan bahagian pintu masuk Istana Jahar, bentuk ruangan adalah memanjang ke bahagian kiri dan kanan kira-kira 57 meter dan melebar 7 meter ke belakang. Dahulunya, ruangan ini digunakan sultan untuk menyambut tetamu dan pelawat yang datang berkunjung. Tetapi setelah dijadikan muzium Adat Istiadat Diraja Kelantan ruangan ini dijadikan sebagai ruangan tekstil antaranya seperti kain limar, kain limar songket, kain punca potong dan kain aceh rosak.

#### 4.1.3.2 Ruang Serambi



Rajah 21. Ruang Serambi Istana Jahar

Sumber: Nur Nasihah Muhamad Hasani, Shahriah Norain Shaharudin

(Dilayari Pada 20 November 2021)

Terletak di bahagian kiri dan kanan ruang surung. Semasa dijadikan tempat persemayaman sultan Kelantan, ruangan ini dijadikan tempat tinggal para pengawal-pengawal tetap istana. Keluasan ruang ini ialah 5.17 meter panjang dan 7 meter lebar. Bilik-bilik ini telah diubah suai mengikut ruang pameran. Bahagian kanan ruang serambi digunakan sebagai bilik bertunang dimana segala perkakas dan peralatan digunakan semasa adat istiadat berlangsung dipamerkan dalam bilik tersebut. Manakala, pada bahagian kiri serambi ianya merupakan bilik peraduan. Bilik ini digunakan oleh pengantin Diraja setelah selesai istiadat persandingan. Dalam ruangan ini juga terdapat sajian kuih-muih untuk santapan pengantin dipamerkan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN

#### 4.1.3.3 Ruang Tengah



Rajah 22. Ruang tengah Istana Jahar

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)

Ruang ini dikenali sebagai Balai Tarik, keluasan bahagian ini ialah 57 x 25.47 meter. Ruang tengah tingkat satu ini dijadikan ruangan rasmi adat perkahwinan, keramaian, kesyukuran, tempat persembahan kesenian seperti hiburan. Ruangan tengah ini juga dipisahkan dengan tiga pintu kecil untuk membezakan ruang surung dan ruang tengah. Dinding yang memisahkan ruangan ini diperbuat daripada kayu cengal yang bermotifkan janda berhias.

Bahagian sudut belakang sebelah kanan dan kiri ruangan tengah terdapat tangga berpusing yang menghubungkan tingkat satu dan tingkat dua. Dinding istana diperbuat daripada batu-batu berlapis simen ataupun plaster. Motif janda berhias terdapat pada bahagian hadapan dinding yang memanjang hingga ke tingkat dua. Motif janda berhias digunakan pada dinding adalah untuk mencantikkan lagi pemandangan, dinding istana juga diselang-selikan dengan kaca disamping motif janda berhias tersebut.

#### 4.1.3.4 Anjung



Rajah 23. Ruang Anjung Tingkat Dua

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)

Bahagian anjung pada tingkat dua berfungsi sebagai tempat beristirahat, ruangan anjung memanjang ke hadapan kira-kira 20 x 8 meter. Ruang anjung ini dibina menggunakan kayu cengal. Seni bina anjung juga tidak mempunyai dinding serta hanya dipagari dengan besi yang diperbuat daripada tuang. Menurut Puan Zuhaini binti Mohd Zain, anjung ini pernah menjadi tempat bersantap raja daripada negara Brunei dan sultan Selangor suatu ketika dahulu semasa mengadakan lawatan kerja di negeri Kelantan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

FTKW

#### 4.1.3.5 Ruang Pakaian



Rajah 24. Ruangan Pakaian Tingkat Dua

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)

Sebelum menjadi muzium, bahagian ini dijadikan sebagai tempat menyimpan pakaian raja. Pada ketika itu, dalam ruangan ini terdapat sebuah dinding di tepi seolah-olah sebuah bilik. Ruang ini terletak di sebelah kanan dan kiri di antara anjung dan bilik peraduan. Ukuran bagi ruang ini ialah 4.5 x 6.4 meter. Bersebelahan ruangan ini juga ialah ruangan untuk adat istiadat memijak tanah bagi bayi yang berada di sebelah kanan. Manakala, sebelah kiri ruangan dijadikan pameran adat istiadat untuk berkhatan putera raja.



#### 4.1.3.6 Ruang Tengah Tingkat Dua



Rajah 25. Ruang Tengah

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)

Ruangan ini boleh dilihat di antara anjung dan bilik peraduan, berbentuk bujur telur berukuran 10.06 meter panjang dan 3.33 meter lebar. Ruang ini berfungsi sebagai hiasan serta berfungsi untuk berhubung dengan tingkat bawah. Menurut Puan Zuhaini juga, ruang ini digunakan untuk memanggil dayang naik ke atas apabila diperintahkan oleh raja.

#### 4.1.3.7 Ruang Peraduan



Rajah 26. Ruang Peraduan Tingkat Dua

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)

Ruang peraduan terletak berhadapan dengan ruang tengah dan anjung yang berada di tingkat dua istana. Bahan binaan yang digunakan untuk ruang peraduan ialah daripada kayu cengal dan terdapat ukiran tebuk tembus untuk mencantikkan pemandangan serta untuk pengaliran udara supaya suhu bilik dalam keadaan selesa. Ukuran bilik ini adalah 5.25 x 57 meter. Dahulu bilik ini berfungsi sebagai tempat peraduan di raja serta sebelah kiri dan kanan ruang ini terdapat bilik kecil dimana ianya menempatkan ruang peraduan putera dan puteri raja. Namun, kini bilik ini tidak lagi berfungsi sebagai ruang peraduan tetapi telah diubah suai menjadi ruang pameran adat istiadat melenggang perut dan adat menyambut kelahiran bayi Diraja.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ETKWW



## 4.2 Pengaruh Seni Bina Pada Istana Jahar

Bangunan Istana Jahar merupakan bangunan warisan yang terdapat di negeri Kelantan. Hal ini kerana, telah termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) bangunan Istana Jahar sebagai bangunan warisan yang di miliki oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Istana Jahar pada dasarnya mempunyai keunikan tersendiri dari sudut pemerhatian pengkaji kerana setiap bahagian pada istana mempunyai pengaruh yang berbeza daripada pelbagai aspek. Bangunan Istana Jahar pada masa kini, dipelihara serta dipulihara oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan sebagai aset warisan yang perlu dipelihara. Bangunan ini juga mempunyai pelbagai ruang tersendiri sebelum di ubah suai menjadi Muzium Adat Istiadat Diraja menurut Puan Zuhaini binti Mohd Zain. Walaupun telah diselenggara dan di baik pulih bangunan ini masih mengekalkan ciri-ciri seni bina terdahulu untuk mengekalkan nilai warisan pada bangunan serta pengaruh yang menjadi simbol keunikan bangunan tersebut.


### 4.2.1 Tangga

Setiap binaan bangunan sudah semestinya mempunyai tangga yang berfungsi sebagai penghubung kepada struktur binaan dan merupakan salah satu pelengkap. Begitu juga dengan seni bina bangunan warisan Istana Jahar terdapat tangga pada bahagian dalaman istana yang menghubungkan antara tingkat pertama dan tingkat kedua. Tangga ini terletak di sebelah kiri dan kanan. Pada bahagian kiri, tangga itu digunakan untuk naik ke tingkat dua manakala pada sebelah kanan tangga tersebut digunakan untuk turun. Kedua-dua struktur tangga adalah sama iaitu jenis besi.

Seterusnya, melalui pemerhatian pengkaji serta daripada berberapa bacaan ilmiah tangga yang menghubungkan tingkat satu dan tingkat dua istana tidak sama dengan struktur binaan yang terdapat pada rumah-rumah tradisional Melayu. Tangga tersebut berbeza serta mempunyai pengaruh daripada negara Barat. Menurut N.A. A Nik Din, Md M. Rashid & N.H. Salleh (2014), tangga yang digunakan adalah pengaruh daripada Eropah faktor ini berlaku

disebabkan penguasaan negara barat yang pernah menjajah Tanah Melayu pada ketika itu. Selain itu, pengaruh ini juga masuk berdasarkan cita rasa pemerintah terhadap pengaruh seni bina luar.

Disamping itu, pengaruh seni bina pada tangga juga berkonsepkan seni bina Georgia yang mana wujud dalam tahun 19an dan 20an di negara Barat (E McKellar, J. Holder: 2016). Seni bina Georgia adalah bersifat klasik English iaitu tangga berlingkar yang banyak terdapat di negara Barat seperti Greece dan Rome. Struktur binaan tangga ini adalah daripada besi tempa yang mudah dileburkan serta mengandungi karbon sebanyak 0.08 peratus. Bahan ini digunakan berkemungkinan kerana daya ketahanan besi tempa yang mempunyai tegangan tinggi berbanding dengan bahan besi yang lain selain mudah dibentuk serta mempunyai nilai estetikanya tersendiri.



Rajah 27 Dan Rajah 28. Persamaan Antara Pengaruh Seni Bina Tangga Bangunan Warisan Istana Jahar dengan Seni Bina Georgia yang terdapat di sebelah kiri rajah.

Sumber: [Kelantan.attractioninmalaysia.com](http://Kelantan.attractioninmalaysia.com)

[Alamy.com](http://Alamy.com)

(Dilayari pada 20 November 2021)

#### 4.2.2 Atap Singgora

Atap singgora merupakan atap yang sering digunakan dalam seni bina Melayu di pantai timur terutamanya negeri Kelantan dan negeri Terengganu. Atap singgora juga boleh dilihat pada masjid, ketik Buddha, istana dan wakaf (Siti Suhaily Surip, 2016). Selain itu, atap singgora juga merupakan pilihan masyarakat pada awal tahun 60an kerana rekabentuknya yang menarik dan ringan, sesuai bagi bahan binaan seni bina kayu.

Seni bina bumbung yang terdapat pada bangunan warisan Istana Jahar juga menggunakan atap singgora sebagai struktur pada bahagian luar binaan. Atap singgora sememangnya menjadi pilihan bangsawan pada ketika itu kerana atap ini mampu menyerap air semasa hujan dan mampu menyejukkan suhu dalaman sesebuah bangunan. Disamping itu, atap singgora yang digunakan pada Istana Jahar mempunyai pengaruh daripada luar iaitu Songkhla dimana tempat ini merupakan asal usul bagi atap singgora dihasilkan (Shaari Saud, 2009). Namun, proses pembuatan atap singgora juga terdapat di negeri Kelantan secara khususnya kerana perkongsian budaya yang hampir sama dengan Thailand. Bahan yang digunakan dalam proses pembuatan atap singgora adalah sama tetapi berbeza dari sudut saiz serta bentuk.

Seterusnya, bentuk atap yang terdapat pada Istana Jahar ialah berbentuk V di bahagian hujung. Menurut Puan Zuhaini binti Mohd Zain selaku pembantu muzium. Pada zaman dahulu atap singgora yang digunakan pada struktur atap istana berasal daripada Thailand. Tetapi, pada masa ini atap singgora yang digunakan untuk menggantikan atap yang pecah ketika ditiup angin kencang akan dibeli terus di perusahaan atap singgora Kampung Pengkalan Baru, Bachok, Kelantan. Bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan atap singgora ialah tanah liat yang dicampur dengan air garam untuk menghasilkan atap singgora yang tahan lasak dan mempunyai warna cantik. Menurut Puan Noraini binti Jusoh iaitu pengusaha atap singgora generasi ketiga di Bachok. Untuk mendapatkan hasil yang cantik dan tahan lasak atap singgora akan dijemur dibawah cahaya matahari yang terik dan apabila kering atap singgora akan dibakar sekali lagi supaya jangka hayat atap tersebut menjadi lebih berkualiti.

Atap singgora yang terdapat pada bangunan Istana Jahar adalah berwarna merah dan digunakan pada keseluruhan bumbung bangunan serta binaan-binaan disekeliling istana.



Rajah 29. Proses Pengeringan Atap Singgora Berbentuk V

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (17 November 2021)



Rajah 30. Atap Singgora Yang Terdapat Pada Struktur Bumbung Istana Jahar

Sumber: The Architecture of Istana Jahar: Apprehend the Parameters of Historical Changes

(Dilayari pada 20 November 2021)



### 4.2.3 Anjung/Serambi

Dalam seni bina rumah tradisional Melayu, anjung atau serambi biasanya diperbuat daripada bahan seperti kayu dan di bentuk sesuai dengan cita rasa pemilik kediaman. Anjung juga berfungsi sebagai tempat beristirahat pada waktu petang bersama keluarga serta di masa lapang. Anjung juga berfungsi sebagai ruang udara masuk supaya rumah dalam keadaan tidak panas. Namun, pada bangunan warisan Istana Jahar anjung tidak kelihatan seperti pengaruh daripada seni bina Melayu sendiri. Anjung yang terdapat pada Istana Jahar adalah hasil pengaruh daripada seni bina Eropah iaitu Georgia (R. Amoeda, S Lira & C. Pinkeiro)

Anjung pada bangunan ini berbentuk semi oktagon dimana terlihat jelas apabila berdiri di bahagian belakang anjung. Keluasan anjung ini ialah 20 x 8 meter hadapan. Ciri-ciri pengaruh Georgia juga terlihat pada bahagian besi yang digunakan iaitu besi tuang yang mengandungi dua peratus karbon dan mempunyai ukiran gaya Georgia sama seperti yang terdapat pada tangga berlingkar. Manakala, bahagian lantai pada anjung pula mempunyai pengaruh daripada seni bina Melayu kerana masih mengekalkan subjek kayu sebagai bahan asas dalam binaan walaupun pada bahagian anjung terdapat pengaruh daripada Eropah.



Rajah 31. Bentuk Anjung Pada Bahagian Sisi seakan-akan oktagon

Sumber: Hasrul Hassan.Com  
(Dilayari pada 20 November 2021)

#### 4.2.4 Ekor Itik

Ekor itik atau sulur daun merupakan hiasan yang berasal daripada ulam-ulaman yang menjadi santapan Diraja. Hiasan ini sebenarnya menyerupai daun yang bergigi sumber daripada alam semulajadi. Tetapi, hiasan ini tidak sinonim dengan masyarakat kerana masyarakat lebih memanggil hiasan ini sebagai ekor itik kerana bentuk hiasan ini seakan-akan bahagian belakang itik yang melentik.

Menurut Puan Zuhaini binti Mohd Zain, ekor itik yang terdapat pada bucu bumbung Istana Jahar berfungsi untuk mencantikkan lagi seni bina tersebut. Ekor itik atau lebih dikenali dengan nama saintifiknya iaitu Sulur Daun merupakan hiasan pada hujung bucu. Pengaruh seni bina ekor itik ini adalah gabungan antara Melayu dan Pattani. Pengaruh seni bina ini muncul dengan adanya hubungan diplomatik antara kerajaan Siam dan Kesultanan Melayu Kelantan.

Selain itu, bahan yang digunakan untuk menghasilkan ekor itik ialah menggunakan simen yang dibancuh dan dibentuk. Simen ini akan di bakar mengikut suhu yang sesuai untuk mendapatkan hasil yang maksimal dan tahan lama sebahagian daripada hiasan ekor itik juga diperbuat daripada kayu cengal yang tahan lebih lama. Namun, pada binaan Istana Jahar bahan hiasan yang digunakan adalah simen. Ukiran ekor itik juga adalah bersifat sederhana sejak kemunculan islam semakin kukuh. Fungsi utama ekor itik ialah untuk melambangkan golongan bangsawan serta golongan raja Kelantan dan Pattani pada suatu ketika dahulu.



Rajah 32. Hiasan Ekor Itik Pada Bucu Bangunan

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)

#### 4.2.5 Dinding Janda Berhias

Dinding janda berhias merupakan dinding yang sering digunakan oleh para bangsawan serta golongan raja dalam pembinaan rumah mahupun bangunan. Dinding ini mempunyai dua jenis iaitu jenis janda rias dan janda ria. Janda rias tidak mempunyai sebarang corak pada dinding, berlainan pula dengan janda ria iaitu dinding yang mempunyai corak ataupun ukiran yang berkonsepkan Melayu tradisional.

Pada bangunan warisan Istana Jahar, dinding janda berhias jenis janda rias digunakan sebagai struktur dinding bangunan istana tersebut. Dinding janda rias ini merupakan pengaruh daripada susunan atau jenis anyaman daripada buluh yang digunakan oleh masyarakat Melayu dalam seni bina tradisional. Namun, telah diadaptasikan kepada kayu supaya lebih tahan lama. Pengaruh janda rias ini juga berasal daripada bahan-bahan yang digunakan oleh masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu untuk membina rumah seperti daun bertam, cucuh, nipah, lontar dan sagu (Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan). Daun-daun ini akan disusun bersirat serta berkijang. Corak daripada bahan-bahan ini telah mempengaruhi cetusan idea pembinaan rumah-rumah Melayu Pantai Timur kepada dinding janda rias dan janda ria. Anyaman ini diusahakan oleh golongan wanita sebagai mata pencarian mereka suatu ketika dahulu. Oleh itu, golongan wanita yang mengusahakan serta menganyam dinding buluh dan kelerai mempengaruhi nama dinding kayu bercorak dan susunan janda hias mendapat nama.

Simbolik dinding janda berhias juga, mempunyai pengaruh daripada huruf jawi iaitu *alif* dan *ba* pengaruh ini simbolik kepada zat Tuhan iaitu 'Jalal-Jamal' dalam istilah *qayyum* (membangun). Zat Tuhan turut merujuk kepada, tiada hiasan di dunia yang lebih indah berbanding dengan ciptaan Tuhan. Hiasan maarifat Allah bersifat kekal dan tidak bersifat duniawi semata-mata. Pengaruh perkataan hias, hiasan juga pengaruh daripada maarifat Allah yang membawa kepada kebaikan selamanya.





Rajah 33. Dinding Janda Rias Istana Jahar

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)



Rajah 34. Anyaman Dinding Rumah Melayu Tradisional Menginspirasi Dinding Janda Rias

Sumber: Persatuan Pencinta Sejarah Negeri Kelantan

(Dilayari Pada 20 November 2021)

#### 4.2.6 Corak Ukiran Dan Motif

Corak ukiran pada bangunan Istana Jahar merupakan corak yang diinspirasi daripada tumbuh-tumbuhan dan bunga-bunga. Corak ini merupakan corak paling terkenal di negeri Kelantan sama ada pada struktur kayu mahupun logam. Corak-corak ukiran yang diilhamkan turut banyak pengaruh daripada Thailand, India, China dan Jawa tetapi mempunyai ukiran khusus yang berbeza.

Bangunan Istana Jahar adalah bangunan yang mempunyai corak ukiran yang sangat cantik bagi mengindahkan lagi seni bina istana tersebut. Terdapat corak ukiran teratai pada bangunan istana dimana corak ukiran ini dikatakan peniruan ukiran-ukiran daripada India Purba semasa perkembangan agama Hindu di Ligor dan Langkasuka iaitu Pattani di masa sekarang (Mohd. Syarifudin Abdullah dan Zuraini Jamil). Corak ukiran teratai yang mempunyai tangkai membawa maksud kepada zat Allah yang ada dimuka bumi secara semulajadi.

Selain itu, corak ukiran awal larat turut merangkumi corak ukiran istana ini, corak ukiran awan larat adalah corak yang paling asas dan tradisional untuk melahirkan corak ukiran tumbuhan melata. Corak ukiran ini ialah corak yang paling masyur selain daripada corak ukiran daun teratai. Corak ukiran awan larat membawa kepada pengaruh alam iaitu awan yang berarak bergumpal dan terapung ditiup angin. Awan berarak adalah penting dalam kehidupan manusia kerana awan akan menurunkan hujan serta memberikan manfaat kepada alam dan manusia (Haji Wan Su bin Wan Othman).

Disamping itu, motif tumbuhan seperti pucuk rebung turut digunakan dalam seni bina Istana Jahar. Pucuk rebung boleh dilihat pada bahagian andang-andang. Pucuk rebung mempunyai makna tersendiri dalam masyarakat Melayu dan agama. Pucuk rebung ialah simbolik kepada lambang keperibadian yang mudah dibentuk pada waktu muda iaitu semasa kecil dan apabila sudah dewasa rebung menjadi berani serta gagah tidak gentar dengan masalah yang mendatang jika diajar secara baik mengikut ajaran Islam. Pucuk rebung turut


diklarifikasikan sebagai simbol ketakwaan kepada Tuhan, Konsep ini menunjukkan ketaatan dan kesetiaan kepada Allah swt dan kedua orang ibubapa. Motif pucuk rebung dikiaskan sebagai meletakkan Allah swt segalanya dipuncak tinggi pada pucuk rebung yang pucuknya berbentuk halus menghala keatas sebagai tanda kita mendongak berdoa kepada Allah swt dalam meminta sesuatu (Norhasliyana Hazlin Zainal Amri, Hamdzun Haron, dan Abdul Latif Samian, 2016)

Akhir sekali, terdapat juga ukiran tradisional yang terkenal iaitu tulisan khat atau ukiran ayat-ayat al-quran pada bahagian dalaman istana. Ukiran ini dipercayai mengambil pengaruh daripada Parsi dan Arab dalam rekaan sulaman kain mereka dan diterjemahkan oleh pengukir Melayu dalam bentuk ukiran kayu. Masyarakat Melayu terpengaruh dengan ukiran ini disebabkan oleh pedagang-pedagang yang datang serta singgah di Sungai Kelantan pada suatu ketika dahulu.



Rajah 35. Corak Ukiran Pucuk Rebung

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)



Rajah 36. Corak Ukiran Awan Larat

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)



Rajah 37. Corak Ukiran Khat Pada Kayu

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)



Rajah 38. Motif Ukiran Bunga Teratai

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)




#### 4.2.7 Kayu Cengal

Bahan binaan utama atau rangka binaan Istana Jahar diperbuat daripada kayu yang bermutu tinggi. Melalui pemerhatian pengkaji dan hasil daripada data yang diperolehi istana ini sudah menjangkau usia ratusan tahun. Namun, masih berdiri utuh dan mempunyai nilai estetik dari segi seni bina dan bahan yang digunakan dalam proses pembinaan. Sejak dahulu lagi kayu membawa makna yang mendalam kepada masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu mempercayai Pauh Janggi ialah pohon semesta yang tumbuh ditengah-tengah alam semesta sejak mulanya penciptaan. Walaupun pokok berasal dari hutan, dengan adanya roh dan tidak terkawal menyebabkan wujudnya perasaan mistik di sekeliling pokok. Kepercayaan orang Melayu terhadap semangat ini menyebabkan mereka menghormati pokok dan kayu. Mereka menggunakan pokok dan kayu secara beradab serta tertib (Farish, 2000). Menurut sumber iaitu Puan Zuhaini binti Mohd Zain, struktur binaan Istana Jahar diperbuat daripada kayu cengal yang mempunyai ketahanan serta tidak mudah reput walaupun bangunan tersebut mencecah ratusan tahun.

Pokok cengal mempunyai kepadatan yang tinggi dan dinyatakan sebagai kayu keras. Kayu cengal mudah diperolehi dalam hutan hujan pada kadar isi padu yang tinggi. Kayu cengal menjadi binaan utama Istana Jahar dan kayu merupakan pengaruh daripada bangsa Melayu sendiri kerana masyarakat yang berada di Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu amat terkenal dalam binaan kayu selain daripada ukiran yang dihasilkan. Kayu cengal mempunyai kepadatan sebanyak 560kg sehingga 720kg. Urat kayu cengal adalah bertindih dan lara yang sangat halus menyebabkan kayu ini mempunyai ketahanan yang sangat tinggi. Kayu cengal biasanya digunakan pada bahagian lantai dan binaan bangunan kerana jenis kayu yang tidak mudah terhakis disebabkan oleh serangan serangga seperti anai-anai.

Kayu cengal dapat dilihat pada struktur bumbung, dinding, lantai atas dan pintu istana sebagai bahan asas utama dalam binaan. Kayu cengal menjadi pilihan utama kerana mudah dikerjakan. Kayu cengal yang terdapat pada struktur binaan Istana diperolehi di negeri Kelantan. Para tukang yang membina Istana Jahar memilih kayu cengal sebagai asas binaan kerana spesies kayu ini sangat keras.



Rajah 39. Rasuk Lantai Daripada Kayu Cengal

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)




Rajah 40. Struktur Bumbung Dalam Yang Menggunakan Kayu Cengal

Sumber: Nurul Aslinah binti Asli (10 November 2021)

### 4.3 Elemen Penentu Karektor Bangunan Warisan Istana Jahar

Dapatan kajian ini diperolehi oleh pengkaji melalui borang soal selidik yang diedarkan secara atas talian menggunakan *google form* yang disediakan sendiri oleh pengkaji. Borang soal selidik diedarkan kepada masyarakat tempatan, pelajar UMK dan orang luar daripada negeri Kelantan. Tujuan borang soal selidik diedarkan adalah untuk mengetahui apakah penentu karektor bangunan Istana Jahar apabila melawat secara fizikal mahupun secara maya. Borang soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian pertama merupakan maklumat responden seperti umur dan bangsa. Manakala, bahagian kedua merangkumi soalan yang diajukan kepada responden oleh pengkaji untuk menjawab objektif ketiga. Jawapan adalah secara rawak daripada responden.

#### 4.3.1 Latar Belakang Responden




Jadual 2. Umur Responden



Jadual 2 menunjukkan umur responden yang mengisi maklumat berdasarkan *google form* yang disediakan oleh pengkaji. Umur diantara 18 hingga 25 merupakan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 69.2%. Responden ini terdiri daripada pelajar kerana lingkungan umur yang masih muda. Manakala, umur diantara 41 hingga 50 mempunyai peratusan sebanyak 13.8%. Responden ini berkemungkinan golongan yang sudah mempunyai pekerjaan dan merupakan salah satu sasaran pengkaji dalam mengumpul data-data hasil daripada soal selidik kerana responden merupakan golongan yang berpengalaman dan berpengetahuan. Seterusnya, golongan yang berusia 51 tahun dan keatas mempunyai peratusan sebanyak 7.7%. Responden ini merupakan golongan yang turut disasarkan oleh pengkaji kerana mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan dengan seni warisan.

Lingkungan umur antara 31 hingga 40 mempunyai peratusan sebanyak 6.2%. Golongan ini merupakan golongan dipertengahan dan kebanyakan sudah berkerja dalam pelbagai bidang. Akhir sekali, lingkungan umur antara 26 hingga 30 mempunyai peratusan sebanyak 3.1% dan lingkungan umur ini merupakan paling sedikit mengisi maklumat berkaitan dengan soal selidik yang dijalankan oleh pengkaji




Jadual 3. Bangsa Responden

Jadual 3 menunjukkan bangsa responden yang mengisi *google form* yang disediakan. Terdapat empat bangsa secara keseluruhan, peratusan terbanyak mengisi *google form* yang disediakan ialah berbangsa lain-lain iaitu sebanyak 55.4% secara keseluruhan. Responden ini terdiri daripada Bumiputera Sabah dan pengkaji hanya mengedarkan *google form* secara rawak melalui *platform Whatsapp*. Manakala, yang berbangsa Melayu mempunyai peratusan sebanyak 43.1%. Pengkaji turut menyasarkan bangsa Melayu dalam mengisi *google form* kerana responden yang berbangsa Melayu lebih memahami serta mengetahui tinggalan warisan alam Melayu. Bangsa India dan Cina tidak mempunyai peratusan kerana tidak mengisi *google form* yang disediakan.

### 4.3.2 Simbol Utama Bangunan Warisan Istana Jahar

Dapatan kajian ini diperolehi oleh pengkaji melalui borang soal selidik yang disediakan berdasarkan objektif ketiga iaitu elemen penentu karektor bangunan warisan Istana Jahar. Data yang dikumpul ialah secara rawak kerana soalan adalah berdasarkan pendapat daripada responden sendiri. Perolehan data daripada 65 orang responden adalah berdasarkan kajian soal selidik secara *google form* dan diterjemahkan dalam bentuk carta pai supaya memudahkan pengkaji dalam menganalisis data responden.

**i. Pada pendapat anda sebagai pengunjung apakah simbol utama yang boleh anda lihat sebagai salah satu pengujung bangunan warisan Istana Jahar?**



Jadual 4. Simbol Utama Bangunan Warisan Istana Jahar

Jadual 4 menunjukkan peratusan setiap jawapan yang diberikan oleh responden secara rawak pada ruangan jawapan yang disediakan oleh pengkaji. Peratusan terbanyak dalam menentukan simbol utama Istana Jahar ketika pertama kali dilihat ialah seni bina yang dikatakan unik oleh para responden disebabkan oleh ciri tradisional yang terdapat pada bangunan istana, peratusan ini adalah sebanyak 45%. Manakala peratusan kedua tertinggi ialah pada bahagian dalaman istana sebanyak 14% dalam *google form* yang disediakan oleh pengkaji terdapat beberapa imej yang menunjukkan keadaan dalaman istana. Dengan adanya imej tersebut responden bebas memilih pilihan mereka dalam menentukan simbol yang di anggap sebagai simbol utama dalam menentukan karektor istana tersebut. Ketiga, responden memilih bahagian luar istana iaitu sebanyak 11% sebagai simbol utama ketika berkunjung secara maya serta imej yang disediakan oleh pengkaji memudahkan responden merujuk dan menentukan simbol tersebut sebagai karektor pilihan responden.

Seterusnya, keunikan bangunan dan warna kuning yang terdapat pada bahagian dalam dan luar istana. Turut menjadi pilihan responden secara rawak dalam menentukan simbol karektor bangunan warisan Istana Jahar. Peratusan responden yang memilih adalah 6%. Bagi ukiran kayu dan struktur bumbung turut mempunyai peratusan yang sama iaitu 5%. Responden memilih ukiran kayu dan struktur bumbung disebabkan mempunyai ciri kemelayuan dan bumbung yang mempunyai pecah lapan serta atap singgora yang digunakan dalam struktur bangunan.

Akhir sekali, responden berpendapat simbol bangunan warisan Istana Jahar ialah berdasarkan nama bangunan tersebut iaitu Muzium Adat Istiadat Diraja. Selain itu, responden menyifatkan ciri kemelayuan pada bangunan merupakan simbol kepada istana tersebut. bangunan bersejarah dan replika tempat persandingan Diraja turut menjadi simbol yang dipilih responden ketika mengisi soal selidik yang disediakan. Peratusan bagi keempat-empat pendapat secara rawak responden adalah 1% dalam menentukan simbol karektor bangunan warisan Istana Jahar dan peratusan ini merupakan peratusan yang paling rendah diantara semua simbol yang dipilih oleh responden secara rawak.


Oleh itu, dapat disimpulkan responden yang memilih secara rawak ketika pertama kali melihat bangunan warisan Istana Jahar secara maya mahupun secara fizikal menyifatkan seni bina pada bangunan warisan Istana Jahar merupakan simbol utama kerana keunikan bangunan tersebut serta ciri-ciri seni bina tradisional yang terdapat pada istana.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

FTKWW

ii. Berdasarkan pendapat anda apakah ciri-ciri unik anda dapat lihat pada keseluruhan bangunan Istana Jahar ini?



Jadual 5. Ciri-ciri unik Bangunan Warisan Istana Jahar

Berdasarkan jadual 5 untuk menentukan ciri-ciri unik bangunan warisan Istana Jahar terdapat 16 jawapan secara rawak yang ditentukan oleh responden sendiri. Peratusan yang paling tinggi ialah ciri-ciri ukiran yang terdapat pada bangunan warisan Istana Jahar. Peratusan tersebut adalah sebanyak 45% ukiran yang menarik serta seni yang ditonjolkan menarik minat responden untuk menentukan ukiran sebagai keunikan yang terdapat pada istana tersebut. Kedua, peratusan tertinggi untuk menentukan ciri-ciri unik istana ialah motif yang terdapat pada beberapa bahagian istana. Jumlah peratusan untuk motif adalah 18% motif flora yang diadaptasikan merupakan pengaruh selepas memasukkan Islam ke Alam Melayu. Seterusnya, tangga, bumbung dan reka bentuk istana mempunyai peratusan sebanyak 5% ini menunjukkan responden turut tertarik dengan ciri-ciri tersebut sebagai salah satu keunikan yang terdapat pada bangunan warisan Istana Jahar.

Selain itu, terdapat responden yang berpendapat bangunan warisan Istana Jahar menonjolkan ciri-ciri imej kesultanan Melayu dan imej orang kenamaan dalam seni bina istana tersebut kerana tempat persemayaman yang cantik dan bangunan tersebut kelihatan gagah. Responden juga berpendapat ciri-ciri unik istana tersebut termasuklah seni bina tradisional menggunakan asas kayu, terdapatnya seni bina Cina dan responden turut menyatakan pembinaan istana ini adalah kreatif dari segi reka bentuk yang dihasilkan. Peratusan untuk keempat-empat pernyataan ini adalah 3%. Disamping itu, ciri-ciri unik yang dinyatakan oleh responden ialah bangunan kelihatan klasik dari rupa bentuknya, mempunyai pengaruh Barat dan pengaruh daripada Timur, seni bina yang berkonsepkan moden tradisional, seni bina Islam, dinding istana, binaan kukuh dan penggunaan kayu jati adalah seperti yang dinyatakan sendiri oleh responden secara jawapan rawak. Ketujuh-tujuh ciri-ciri yang dinyatakan responden sebagai unik adalah berperatusan sebanyak 1%.

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan ukiran yang terdapat pada setiap sudut istana menjadi ciri-ciri unik yang terdapat pada bangunan warisan Istana Jahar kerana ukiran merupakan lambang seni bina Melayu dan ciri-ciri khas yang ada pada jati diri orang Melayu.



## BAB 5

### PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN

#### 5.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji telah membahagikan kepada dua bahagian utama iaitu berkaitan dengan perbincangan serta cadangan kajian. Bahagian pertama, merujuk kepada perbincangan. Dalam perbincangan pengkaji akan merumuskan ketiga-tiga objektif kajian yang telah dikaji berdasarkan analisis data yang dibuat. Manakala, pada bahagian kedua iaitu cadangan ianya akan dirumuskan juga berdasarkan analisis yang dilaksanakan oleh pengkaji sendiri melalui penyelidikan yang dibuat.

#### 5.1 Perbincangan Kajian

Perbincangan kajian akan menerangkan hasil daripada analisis yang dilaksanakan berdasarkan kepada tiga objektif utama sebelum melaksanakan kajian. Objektif pertama ialah mengkaji latar belakang pembangunan Istana Jahar, objektif kedua adalah mengenalpasti pengaruh seni bina pada Istana Jahar dan objektif terakhir, mengenalpasti 'elemen penentu karektor' pada Istana Jahar.

### 5.1.1 Perbincangan Kajian Objektif Pertama

Berdasarkan analisis yang telah diperolehi pengkaji daripada sumber temubual dan bacaan ilmiah, sejarah bangunan ini bermula di akhir pemerintahan Sultan Muhammad II (1837-1886) dan telah siap setahun selepas kemangkatan baginda. Bangunan istana ini didirikan oleh baginda untuk dihadiahkan kepada cucunda baginda Long Kundur yang baru sahaja berkhawin dengan Tengku Embong, puteri kepada Tengku Puteh, Raja Pattani III. Bangunan istana ini di bina oleh tukang-tukang kayu yang mahir dari pelusuk negeri Kelantan yang diketuai oleh Encik Sulaiman dari Kampung Sireh serta dibantu oleh Nik Salleh dari Kampung Atas Bongol.

Bangunan istana ini dahulunya dikenali sebagai Istana Raja Bendahara sempena gelaran yang digunakan oleh Long Kundur sebelum nama bangunan ini diubah menjadi Istana Jahar berdasarkan pokok jahar yang ditanam pada keliling laman istana. Istana ini juga pernah menjadi tempat bersemayam para sultan sebelum berpindah ke Istana Balai Besar dan Istana Jahar telah diserahkan kepada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan untuk pengubahsuaian istana serta untuk dijadikan muzium adat istiadat Diraja Kelantan pada tahun 1992.

Menurut Puan Zuhaini binti Mohd Zain selaku pembantu muzium, bangunan Istana Jahar sebenarnya bertapak di Tambatan Diraja berdekatan dengan laluan perdagangan iaitu sungai Kelantan tetapi dipindahkan ke tapak baru disebabkan faktor hakisan yang terjadi. Istana Jahar dipindahkan ke tapak baru bersama-sama dengan Istana Balai Besar sehingga sekarang dan mempunyai keluasan 1,822 meter persegi yang terletak di Lot No. 430, dalam Seksyen 7 Bandar Kota Bharu.

### 5.1.2 Perbincangan Kajian Objektif Kedua

Hasil kajian ini berdasarkan rujukan yang dibuat oleh pengkaji melalui laman sesawang dan jurnal-jurnal berkaitan dengan pengaruh seni bina yang terdapat pada Istana Jahar dan alam Melayu. Kebanyakan pengaruh seni bina yang terdapat pada bangunan Istana Jahar adalah hasil daripada campuran Melayu, Pattani, dan Eropah. Hal ini berlaku, kerana hubungan diplomatik serta faktor penjajah yang datang ke Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu selain perkongsian budaya serta khawin campur daripada Kerajaan Pattani telah membawa masuk pengaruh-pengaruh luar dalam seni bina Melayu khususnya di negeri Pantai Timur Malaysia.

Hasil analisis kajian, dalam seni bina Melayu besi tidak digunakan dalam seni bina kerana asas seni bina tradisional Melayu adalah daripada bahan-bahan semula jadi seperti nipah, kelerai, buluh dan pokok. Tetapi, pada bangunan istana ini terdapat berberapa pengaruh Eropah telah digunakan dalam istana untuk menampakan lagi kemodenan istana tersebut seperti tangga, anjung dan ruang tengah menggunakan besi yang mudah di lentur sebagai salah satu pengaruh daripada Eropah.

Selain itu, pada bahagian bumbung istana. Atap yang digunakan adalah hasil daripada perkongsian seni bina Pattani iaitu penggunaan atap singgora berbentuk V sebagai elemen utama dalam struktur binaan atap. Pengaruh ini berpunca daripada hubungan kekeluargaan dan perkongsian budaya yang sama dengan orang Melayu Kelantan maka wujud seni bina yang dipengaruhi oleh pengaruh luar iaitu daripada Pattani sendiri yang sekarang menjadi salah satu tanah milik kerajaan Thailand.

Disamping itu, seni bina ekor itik dan dinding janda berhias merupakan elemen pengaruh daripada Melayu sendiri dimana ukiran ini mempunyai makna tersendiri. Sebagai contoh, ekor itik berfungsi sebagai mencantikkan lagi hujung bumbung dan ekor itik adalah berasal daripada nama daun ulam yang menjadi santapan Diraja berdasarkan bentuk yang terdapat pada ekor itik. Manakala, dinding janda berhias pula melambangkan pengaruh daripada huruf

*alif* dan *ba* serta zat Tuhan yang sinonim dengan alam Melayu majoritinya beragama Islam. Menggunakan konsep Islam dalam seni bina supaya tidak berlebihan.

Seterusnya, corak ukiran yang terdapat pada bangunan warisan Istana Jahar adalah menggunakan motif tumbuhan serta bunga yang berkait rapat dengan ajaran Islam sejak masuk ke alam Melayu. Corak-corak yang digunakan adalah sebahagian daripada pengaruh Thailand, India, Cina dan Jawa. Namun, setiap ukiran adalah berbeza mengikut tempat. Sebagai contoh, motif bunga yang ada di beberapa sudut istana mempunyai motif daun bunga teratai yang mempunyai tangkai melambangkan zat Allah swt di bumi secara semulajadi. Awan larat turut digunakan dalam motif dan ukiran dalaman serta luaran istana. Awan larat melambangkan awan yang berarak boleh menurunkan hujan, melindungi daripada cahaya matahari memberikan manfaat dalam kehidupan manusia dan alam semulajadi.

### 5.1.3 Perbincangan Kajian Objektif Ketiga

Kajian objektif ketiga ialah berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan secara rawak dan jawapan daripada responden sendiri. Soal selidik ini diedarkan melalui *Google Form* dan 65 orang responden telah menjawab soalan yang diajukan berkaitan dengan "Elemen Penentu Karektor". Dalam soal selidik ini pengkaji telah menyediakan beberapa imej Istana Jahar sebagai rujukan responden dalam menyatakan pendapat sendiri. Majoriti responden berpendapat seni bina Istana Jahar merupakan simbol atau elemen utama ketika pertama kali berkunjung kerana seni bina Istana Jahar mempunyai nilai estetika tersendiri dari sudut seni bina Melayu yang diterapkan dalam pembinaan.

Selain itu, responden turut berpendapat ukiran pada bangunan warisan Istana Jahar merupakan ciri-ciri unik yang menggambarkan istana tersebut. Ukiran yang terdapat pada sekeliling istana menjadikan Istana Jahar mempunyai keunikan tersendiri dari sudut ragam rias yang ditonjolkan untuk menampakkan lagi ciri-ciri tradisional pada istana yang berusia ratusan tahun ini. Data ini merupakan hasil daripada soal selidik yang diisi oleh responden secara rawak dan jawapan daripada responden sendiri.

Secara kesimpulan, pengunjung yang berkunjung ke Istana Jahar secara maya mahupun fizikal menyatakan elemen penentu karektor istana tersebut adalah seni bina kerana keunikan yang ada pada seni bina istana seperti bentuk, ragam rias dan ciri Melayu Pantai Timur diterapkan dalam seni bina Istana Jahar. Keunikan Istana Jahar seperti ukiran turut menjadi tarikan kepada pengunjung kerana seni ukir yang begitu indah daripada orang Melayu sendiri.

## **5.2 Cadangan Kajian**

Bahagian ini akan membincangkan cadangan yang akan diberikan oleh pengkaji untuk memperkasakan lagi bangunan Istana Jahar sebagai bangunan warisan yang mempunyai nilai warisan dan Sejarah tersendiri dari aspek seni bina bangunan warisan dan kepentingan bangunan Istana Jahar kepada generasi akan datang sebagai bangunan yang mempunyai ciri-ciri seni bina unik di Pantai Timur.

### **5.2.1 Istana Jahar Sebagai Bangunan Warisan Yang Mempunyai Nilai Warisan Dan Sejarah Tersendiri Dari Aspek Seni Bina Bangunan Warisan.**

Seperti yang sedia maklum muzium adat istiadat Diraja Kelantan ataupun Istana Jahar telah disenaraikan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 sebagai bangunan warisan kebangsaan yang dimiliki oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Dalam muzium ini, terdapat pameran berkaitan dengan adat istiadat Diraja Kelantan sebagai contoh, ruang perkahwinan, ruang pertunangan, ruang melenggang perut, ruang berkhatan dan sebagainya. Namun, disebalik ruangan tersebut tidak dinyatakan seni bina yang terdapat pada bangunan istana ini dan sejarah bangunan ini hanya boleh diketahui oleh para pelawat atau pencinta sejarah berdasarkan bacaan ilmiah, laman sesawang dan temu bual yang dijalankan. Oleh itu, terdapat berberapa cadangan daripada pengkaji untuk memperkasakan lagi sejarah dan seni bina yang terdapat pada bangunan Istana Jahar ini.



**i. Menyediakan Satu Ruang Berkaitan Dengan Sejarah Bangunan Istana Jahar.**

Ruangan yang disediakan ini akan memperlihatkan secara keseluruhan berkaitan dengan sejarah bangunan istana ini supaya orang awam boleh mengetahui lebih lanjut berkaitan dengan sejarah bangunan kerana ruang pameran yang disediakan sudah cukup untuk menjelaskan adat istiadat Diraja Kelantan. Tetapi, ruangan sudut info berkaitan dengan istana tidak cukup kepada pencinta sejarah dan warisan sekiranya mereka menginginkan info yang lebih lanjut berkaitan dengan istana tersebut. Ruang ini sangat penting kerana sejarah sesebuah bangunan yang dibina dapat memberikan kefahaman yang lebih mendalam kepada pengunjung berbanding hanya melihat pameran yang disediakan namun tiada sejarah bangunan yang boleh dijadikan bahan rujukan dan bacaan kepada pengunjung yang datang.

**ii. Perbanyakkan Infografik**

Infografik berkaitan dengan istana seperti foto istana sebelum dan selepas pengubahsuaian supaya mereka tahu bagaimana rupa asal bangunan ini sebelum diubah suai menjadi muzium adat istiadat Diraja Kelantan. Bagi pengkaji, info yang disediakan oleh pihak muzium tidak banyak kerana hanya berberapa gambar infografik berkaitan istana digantung pada dinding tetapi penerangan yang kurang jelas berkaitan dengan sejarah Istana Jahar ini sendiri. Kebanyakan gambar yang digantung hanya menggambarkan suasana disekitar istana dan majlis perasmian muzium adat istiadat Diraja Kelantan. Info tersebut tidak banyak membantu kerana penerangan pada setiap gambar adalah kurang berbanding dengan info berkaitan dengan ruangan pameran adat istiadat Diraja Kelantan yang begitu banyak di setiap ruangan khas pameran.

### **iii. Ruangan Info Berkaitan Dengan Pengaruh Seni Bina Yang Terdapat Pada Bangunan Warisan Istana Jahar.**

Sesebuah istana tidak hanya bergantung pada sejarah bangunan sahaja. Tetapi, sesebuah bangunan juga memerlukan sudut berkaitan dengan pengaruh seni bina yang terdapat pada ruang serta seni bina istana tersebut. Ruangan ini juga penting kerana menurut pengkaji istana ini tidak menggunakan keseluruhan bangunan daripada alam seni bina Melayu. Disebabkan konsep yang digunakan tidak menunjukkan konsep Melayu tradisional tulen. Pengunjung perlu tahu konsep yang digunakan dalam istana supaya pengunjung tidak keliru dengan seni bina yang terdapat di dalam istana. Besar kemungkinan, sesetengah pengunjung yang datang bukan sahaja untuk melihat pameran yang terdapat dalam istana. Tetapi, pengunjung juga terdiri daripada pelbagai lapisan sama ada berkunjung secara bersahaja dan berkunjung disebabkan faktor ingin mengetahui lebih mendalam berkaitan dengan seni bina yang terdapat pada struktur bangunan Istana Jahar. Oleh itu, info berkaitan dengan seni bina perlu disediakan oleh pihak muzium bagi memudahkan golongan tertentu mudah mendapatkan maklumat dengan cepat dengan adanya maklumat terkini berkaitan dengan Istana Jahar.

### **5.2.2 Kepentingan Bangunan Istana Jahar Kepada Generasi Akan Datang Sebagai Bangunan Yang Mempunyai Ciri-Ciri Seni Bina Unik Di Pantai Timur.**

Bangunan Istana Jahar merupakan mercu tanda kepada bangunan warisan yang terdapat di negeri Kelantan. Bangunan ini sangat sinonim dengan masyarakat yang berada di negeri Kelantan disebabkan keunikan istana ini yang terletak megah ditengah-tengah bandar Kota Bharu. Disebelah kanan Istana Jahar, tersergam indah masjid Muhammadi dan di sebelah kiri istana pula, terdapat Istana Balai Besar iaitu Istana ibu kota negeri Kelantan. Agak tidak patut sekiranya istana ini tidak diketahui oleh generasi masa kini akan kewujudan Istana Jahar sebagai bangunan warisan yang dimiliki oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

#### **i. Istana Jahar Mempunyai Seni Bina Unik Di Pantai Timur.**

Kebanyakan istana di negeri-negeri Melayu mempunyai struktur seni bina tersendiri bergantung dengan pemerintah negeri tersebut. Seni bina yang terdapat pada Istana Jahar mempunyai keunikan tersendiri kerana negeri-negeri Pantai Timur terutamanya negeri Kelantan. Mempunyai hubungan kekeluargaan dan budaya yang sama dengan penduduk di Selatan Thailand. Seni bina yang unik adalah berkonsepkan Melayu Moden yang mencampurkan unsur luar daripada Melayu untuk mencantikkan lagi istana tersebut.

Generasi masa akan datang perlu tahu Istana Jahar dahulunya merupakan bangunan kayu yang hanya mempunyai ciri-ciri Melayu-Pattani tetapi telah diubah suai mengikut peredaran waktu supaya istana ini lebih tahan lama dan tidak cepat dimamah usia. Generasi masa akan datang, sememangnya perlu menjaga istana ini supaya tidak dirosakkan serta kekal dipelihara supaya istana ini menjadi kebanggaan negeri Kelantan dengan adanya keunikan seni bina yang digunakan pembesar dalam struktur binaan istana.

## ii. Ciri-Ciri Seni Bina Yang Unik Dapat Mengekalkan Identiti Sesebuah Bangunan.

Pengekalan identiti seni bina perlu dimartabatkan oleh generasi masa akan datang supaya keunikan istana ini tidak diubahsuai sewenang-nya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Tugas generasi masa akan datang, dalam pengekalan identiti seni bina adalah berat kerana era ini kebanyakan bangunan warisan telah dimusnahkan demi membina bangunan moden yang lebih berguna kepada negara bagi merancakkan ekonomi negara.

Oleh itu, generasi muda tidak boleh alpa dengan tugas mereka sebagai individu yang akan terus mengekalkan identiti sesebuah seni bina seperti Istana Jahar di mana istana ini telah berusia seratus tiga puluh empat tahun dan keunikan seni bina seperti ukiran, kayu, perhiasan, ruang dalaman masih kekal sehingga kini disebabkan dijaga sebaik mungkin oleh individu tertentu bagi memartabatkan identiti sesebuah seni bina warisan yang terdapat pada bangunan warisan Istana Jahar sehingga didaftarkan dalam Akta Warisan Negara 2005 sebagai bangunan warisan.

### 5.3 Rumusan

Peranan setiap pihak amatlah diutamakan kerana sesebuah bangunan warisan sememangnya mempunyai nilai yang tersendiri. Bangunan-bangunan warisan di negara ini khususnya bangunan warisan Istana Jahar mempunyai nilai estetika tersendiri dari sudut seni bina mahupun pengaruh yang digunakan dalam pembinaan istana. Pihak berwajib perlu mengekalkan bangunan warisan ini disebabkan bangunan ini menyimpan banyak tinggalan warisan berkaitan dengan seni bina serta sejarah bagaimana wujudnya istana ini sehinggalah boleh dipulihara serta dipelihara oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Masyarakat juga perlu berbangga kerana dengan adanya bangunan warisan ini, ianya dapat melambangkan identiti sesebuah negeri itu berdasarkan seni bina yang ditonjolkan dalam binaan sama ada dari sudut budaya, politik dan pola hidup masyarakat di negeri tersebut.

## References

Ab. Aziz Shuaib, (2012) *Penggunaan unsur nilai estetika tradisional Kelantan dalam senibina kediaman kontemporari*. In: Proceeding Bridging Between Old & News: Towards Future Sustainable Built Environment. Held on 05 - 07 November 2012 at Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM) Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia, Johor., pp. 7-15. ISBN 9789671086919 <http://umkeprints.umk.edu.my/1007/>

Abdul Halim Nasir, (2016) *Ukiran Kayu Melayu Tradisi*, Selangor Darul Ehsan: Naz Sdn.Bhd No.3, Jalan PBS 14/10 Taman Perindustrian Bukit Serdang 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan

Dr. Mohamad Tajuddin B. Mohamad Rasdi, (1999), *Seni Bina Di Malaysia Kritikan Tentang Seni Bina Islam, Identiti Nasional Dan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Design Modular Sdn. Bhd No. 30A, Jalan Nuri 7/5, Pusat Bandar Sg. Buloh, 47000 Sg. Buloh, Selangor

Dr. Siti Norlizaiha Harun, (2005) *Perkembangan Sejarah dan Pengaruh ke atas Seni Bina di Malaysia: Sebuah tinjauan ringkas*. Retrieved 20 April 2021  
[https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as\\_sdt=0%2C5&q=perkembangan+sejarah+dan+pengaruh+ke+atas+seni+bina+di+malaysia%3A+sebuah+tinjauan+ringkas&btnG=](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=perkembangan+sejarah+dan+pengaruh+ke+atas+seni+bina+di+malaysia%3A+sebuah+tinjauan+ringkas&btnG=)

Gurupiah Mursib & Mohd Tajuddin Mohd. Rasdi (2016). *Tradisi Vernakular Tradisional. Regionalisme dalam Seni Bina Malaysia* (cetakan pertama 2016., pp. 3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Gurupiah Mursib & Mohd Tajuddin Mohd. Rasdi (2016). *Banglo Malaya Anglo-India. Regionalisme dalam Seni Bina Malaysia* (cetakan pertama 2016., pp.14). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Gurupiah Mursib & Mohd. Tajuddin Mohd. Rasdi (2016). *Kemasukan Seni Bina Moden sebelum merdeka. Regionalisme dalam Seni Bina Malaysia* (cetakan pertama 2016., pp. 16). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Ismail Said & Ahmad Saifuddin Abdullah, (2001), *Spesis-Spesis Kayu Dalam Seni Bina Ukiran Melayu*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul Tak'zim

Kamus Dewan. (4<sup>th</sup> ed.). (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kamarul Shukri Mat The (2015). *Sorotan literature*. Retrieved April 16, 2021  
<https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/sorotan-literatur-dr-kamarul>

Kerekbudu (2016, January 11) *Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan*. Retrieved November 23, 21

[http://pp-sk.blogspot.com/2016/01/estatika-rumah-tradisional-kelantan\\_20.html](http://pp-sk.blogspot.com/2016/01/estatika-rumah-tradisional-kelantan_20.html)

M. S. Surat & M. A. Baharum (2012). *Mengenalpasti Tahap Kesejahteraan Seni Bina Warisan Melayu Melalui Konsep Islam. Konsep Seni Bina Islam Dalam Bentuk Reka Bentuk Kediaman*, 5, 9-10. Retrieved from  
[https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as\\_sdt=0%2C5&q=mengenalpasti+tahap+kesejahteraan+seni+bina+warisan+melayu+melalui+konsepislam&btnG=](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=mengenalpasti+tahap+kesejahteraan+seni+bina+warisan+melayu+melalui+konsepislam&btnG=)

Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi (2000), *The Architecture Heritage of the Malay World*, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia

Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi (2005), *Malaysian Architecture Crisis Within*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd



MDZ Rashid (2014). The Architecture of Istana Jahar: Apprehend the parameters of historical changes. Retrieved April 25, 2021 [https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as\\_sdt=0%2C5&q=the+architectur+e+of+istana+jahar%3A+apprehed+the+parameters+of+historical+changes&btnG=](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=the+architectur+e+of+istana+jahar%3A+apprehed+the+parameters+of+historical+changes&btnG=)

Mohamad Nazzri bin Ahmad. (2016). Falsafah Seni Ukiran Kayu Melayu. Tesis Diserahkan Bagi Memenuhi Keperluan Bagi Ijazah Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi (2005). *Approaches in defining architectural identity in Malaysia. Malaysian Architecture Crisis Within*. (1<sup>st</sup> ed., pp. 8-14). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd

Mohd Syarieffudin Abdullah dan Zuraini Jamil @ Osman, 2005: Seni Dalam Tamadun Melayu: Satu Tinjauan Keatas Seni Ukir Melayu Kelantan, Jabatan Tamadun Islam Dan Tamadun Asia, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Retrieved January 8, 2022 <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/3382>

Mohd Tajuddin Mohd. Rasdi (2016). Dunia Seni Bina Sekilas Fakta (2016). Selangor Drul Ehsan: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur.

N.A.A. Nik Din, Md M. Rashid Dan N.H.Salleh (2014), The Architecture Of Istana Jahar: Apprehend The Parameters Of Historical Changes, Retrieved December 5, 2021 from <http://irep.iium.edu.my/36294/>

Norhasliyana Hazlin Zainal Amri, Hamdzun Haron, dan Abdul Latif Samian, 2016: Sulaman Keringkam: Motif Kemasan Sisi Beridentiti Melayu Tempatan. Retrieved January 22, 2022 [https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/19976/1/PRO\\_NORHASLIYANA%20HAZLIN%20ZAINAL%20AMRI%20M%2016.pdf](https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/19976/1/PRO_NORHASLIYANA%20HAZLIN%20ZAINAL%20AMRI%20M%2016.pdf)

Nur Najihah Norzaiman. (2014). Istana Jahar: Ruang dan peranan di Istana Jahar serta asal usul Balai Tarik dan Balai Lintang. Undergraduate Final Year Report. Universiti Malaysia Kelantan.

Nur Najiha Muhammad Hassani. (2018). Keunikan seni bina Istana Jahar dan Kepentingannya kepada Industri Perlancongan di Kelantan. Undergraduate Final Year Report. Universiti Malaysia Kelantan.

Perbadanan Muzium negeri Kelantan (2019). Muzium adat istiadat Istana Jahar. Retrieved Jun 24, 2021 <https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/muzium3/muzium-adat-istiadat-istana-jahar>

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (2009). Ukiran Kayu Warisan Melayu. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Seksyen 63, Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia

Puan Noraini binti Jusoh. 2021 November 15, Kraf Atap Singgora, Kampung Pengkalan Baru, Tanjung Pauh ,16050 Bachok, Kelantan (Interview)

Puan Zuhaini binti Mohd Zain. 2021 November 10, Pembantu Muzium Adat Istiadat Diraja Kelantan, Kota Bahru, Kelantan (Interview)



R.N. Hilton (1956). *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society. The floor; Vol XXIX, pt.3*, 140 [https://www.jstor.org/stable/41503100?seq=7#metadata\\_info\\_tab\\_contents](https://www.jstor.org/stable/41503100?seq=7#metadata_info_tab_contents)

Shabarina Isa (2021). Permasalahan kajian. Hak cipta 2021 [https://www.academia.edu/8738405/PERMASALAHAN\\_KAJIAN](https://www.academia.edu/8738405/PERMASALAHAN_KAJIAN)

Shamsu Mohamad, Siti Suhaily Surip (Reka 2016), Atap Singgora Pada Seni Bina Tradisional Dan Kontemporari Di Pantai Timur, Retrieved December 5, 2021 from [http://eprints.usm.my/39538/1/PAPER\\_76.pdf](http://eprints.usm.my/39538/1/PAPER_76.pdf)

Ummi Abidah (2019, December 13), Kaedah Analisis Data Kualitatif Dan Kuantitatif, Retrieved November 13, 2021 from <https://ms.weblogographic.com/difference-between-wrought-iron>

*University Of Malay Student Repository*, Retrieved January 8, 2022 from [http://studentsrepo.um.edu.my/2520/6/BAB\\_3](http://studentsrepo.um.edu.my/2520/6/BAB_3).

Wan Hashim & Abdul Halim Nasir (2016). *The Malay House-Its structure: The pillars. The Traditional Malay House* (diterbitkan semula 2011., pp. 21). Selangor: Fajar Bakti Sdn.Bhd

Wan Hashim & Abdul Halim Nasir (2016). *The Malay House-Its Structure: The wall. The Traditional Malay House* (ditebitkan semula 2011., pp. 22). Selangor: Fajar Bakti Sdn.Bhd